Jilid I
Bil. 14



Hari Rabu
17hb Mach, 1971

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RA'AYAT

House of Representatives

PARLIMEN KETIGA

Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN PERTAMA

First Session

KANDONGAN-NYA

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan 1329]

RANG UNDANG² DI-BAWA KA-DALAM MESHUARAT [Ruangan 1347]

RANG UNDANG²:

- **Rang Undang² (Pindaan) Achara Kewangan [Ruangan 1348]**
- **Rang Undang² (Pindaan) Bil Pertukaran [Ruangan 1350]**
- **Rang Undang² Umor Dewasa [Ruangan 1351]**
- **Rang Undang² (Pindaan) Pemegang Amanah [Ruangan 1357]**
- **Rang Undang² (Pindaan) Penyemakan Undang² [Ruangan 1359]**
- **Rang Undang² (Peruntokan² Khas) Saman dan Waran [Ruangan 1361]**
- **Rang Undang² Bantuan Guaman [Ruangan 1367]**
- **Rang Undang² (Pindaan) Kesalahan² Kechil [Ruangan 1393]**
- **Rang Undang² (Pindaan) Polis [Ruangan 1395]**
- **Rang Undang² Ejensi Persendirian [Ruangan 1396]**
- **Rang Undang² Pungutan Rumah ka-Rumah dan di-jalan (Pindaan) [Ruangan 1399]**
- **Rang Undang² Universiti dan Kolej Universiti [Ruangan 1401]**

UCHAPAN PENANGGOHAN:

- **Buku² Teks dan Sistem Ejaan—Bantuan kapada Pelajar² [Ruangan 1404]**

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Rabu, 17hb Mach, 1971

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADHIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).

" Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Y.A.B. TUN DR ISMAIL BIN DATO' ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).

Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).

" Menteri Kesihatan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).

" Menteri Perdagangan dan Perusahaan, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).

" Menteri bagi Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).

" Menteri Buroh, Yang Berbahagia TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., P.J.K. (Klang).

" Menteri Pertanian dan Tanah, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).

" Menteri Pengangkutan, DATO' HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).

" Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K. (Raub).

" Menteri Kebajikan Masharakat, Yang Berbahagia TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).

" Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN (Johor Bahru Timor).

" Menteri Teknoloji, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).

" Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).

" Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).

" Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN BIN TENGKU ISMAIL, P.M.P. (Kota Bharu Hilir).

„ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Setiausaha Parlimen kapada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).

„ Setiausaha Parlimen kapada Perdana Menteri, WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).

„ Setiausaha Parlimen kapada Menteri Pengangkutan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).

„ Setiausaha Parlimen kapada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT (Johor Bahru Barat).

„ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).

„ DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).

„ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).

„ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).

„ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).

„ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).

„ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).

„ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).

„ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).

„ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.J.K. (Hilir Perak).

Yang Berbahagia TAN SRI HAJI AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).

Yang Berhormat PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).

„ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).

„ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).

„ DATO' PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.B.S., P.N.B.S. (Julau).

„ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).

„ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).

„ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (LIMBANG-LAWAS).

„ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).

„ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K. (Bentong).

„ TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei).

„ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).

„ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).

„ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).

„ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).

Yang Berhormat TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
" TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
Yang Berbahagia TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
" TAN SRI KHAW KAI BOH, P.M.N., P.J.K. (Ulu Selangor).
Yang Berhormat TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Bandar Sibu).
" TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
" TUAN LATIP BIN HAJI IDRIS (Mukah).
" TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
" DR LIM CHONG EU (Tanjong).
" TUAN LUHAT WAN (Baram).
" TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
" TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
" DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
" TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
" DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
" TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
" TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
" DATO' MOHAMMAD SAID BIN KERUAK (Kota Belud).
" TUAN MOHD. SALLEH BIN DATO' PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
" TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
" TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
" TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
" DATO' ENGKU MOHSEIN BIN ENGKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
" WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
" TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
" TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
" TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).
" DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
" TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Luboh Antu).
" DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, J.M.N., P.I.S. (Muar Dalam).
" TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
" RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
" TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
" PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
" TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N. (Krian Darat).
" TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
" TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S., S.M.J. (Muar Pantai).

Yang Berhormat TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
,, TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
,, TUAN SINYIUM ANAK MUTIT (Bau Lundu).
,, TUAN SULAIMAN BIN BULON (Bagan Datoh).
,, WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
,, DR SULAIMAN BIN MOHAMED ATTAS, J.P., P.J.K. (Rembau-Tampin).
,, TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
,, TUAN SU LIANG YU (Bruas).
,, TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim Bandar Bharu).
,, TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
,, DR TAN CHEE KHOON (Batu).
,, TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
,, TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
,, TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
,, TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
,, TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
,, TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
,, TUAN V. VEERAPPAN (Seberang Selatan).
,, DATO' JAMES WONG KIM MIN (Miri-Subis).
,, TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
,, TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).
,, TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
,, TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIDAK HADHIR:

Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
,, Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
,, Menteri Ta' Berpotfolio, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
,, Timbalan Menteri Buroh, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
,, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N. (Kuala Kedah).
,, DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
,, TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
,, TUAN AJAD BIN O. T. OYONG (Labuk-Sugut).
,, CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
,, TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
,, TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
,, DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).

Yang Berhormat TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
„ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
„ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
„ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
„ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
„ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
„ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
„ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
„ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
„ TUAN PETER LO SU YIN (Sandakan).
„ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
„ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
„ TUAN CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
Yang Amat Berbahagia TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
Yang Berhormat TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
„ DATO' PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
„ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
„ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
„ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
„ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
„ TUAN PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PETRA (Kimanis).
„ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).

YANG HADHIR BERSAMA:

Yang Berhormat Peguam Negara, Yang Berbahagia TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Di-lantek).
„ Menteri Dengan Tugas² Khas dan Penerangan, Yang Berbahagia TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Di-lantek).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Meshuarat)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

HARGA PADI—MENAIKAN

1. Tuan Othman bin Abdullah minta kapada Menteri Pertanian dan Tanah menyatakan ada-kah Kerajaan berchadang hendak menaiki harga padi daripada $16.00 kapada sekurang²-nya $20.00 sa-pikul sa-bagaimana rayuan² yang di-perbuat oleh petani² sekarang ini.

Menteri Pertanian dan Tanah (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Dato' Yang di-Pertua, pada tiap² tahun Kerajaan meng-kajikan harga minima yang di-akui atau pun credit minimum price dan perubahan² akan di-buat terhadap harga sekarang jika perlu mengikut arah aliran harga di-dunia, harga padi dan juga harga beras tempatan. Untok ma'aloman Ahli Yang Berhormat, harga padi $16.00 sa-pikul yang berjalan pada masa sekarang ini boleh-lah di-katakan harga yang paling tinggi sekali di-Tenggara Asia. Ulang kaji yang akan di-adakan berkenaan dengan harga padi akan di-buat oleh Kera-jaan di-dalam bulan Mei dan rayuan petani² akan di-pertimbangkan oleh Kerajaan sa-belum harga tersebut di-tetapkan.

Tuan Ahmad bin Haji Ithnin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Kerajaan sedar atau pun bagi pehak Kementerian itu sedar ada sa-tengah² sharikat persendirian kilang padi, ia-itu membeli padi² lebeh mahal daripada harga padi yang di-tetapkan oleh Kerajaan itu, maka dengan jalan ini ada sa-tengah² kilang padi anjoran Kerajaan hampir² benkrap dan ada sa-tengah telah tertutup dengan tiada padi, apa-kah langkah² bagi pehak Kementerian yang telah di-ambil?

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Jawapan kapada yang pertama, pehak Kerajaan sedar ada pehak swasta yang membeli lebeh daripada $16.00 sa-pikul. Ini ada-lah bertentangan dengan dasar Kerajaan, ia-itu kita chuma menetapkan sa-kurang²-nya $16.00 sa-pikul. Kalau ada orang hendak beli $18.00 atau $20.00 itu ada-lah untok kebaikan petani² yang ada di-dalam negeri ini.

Soalan yang kedua, ada kilang² yang terpaksa tutup dengan sebab tidak chukup padi. Saya rasa masaalah tidak chukup padi tidak timbul, kerana capacity kilang² yang ada dalam negeri ini, kalau mengikut di-siasat ada-lah boleh di-katakan menchukupi dengan production atau pengeluaran padi yang ada, chuma barangkali kilang itu tidak sanggup membeli lebeh mahal daripada atau pun bertanding dengan swasta yang lain, itu ada-lah terpulang kapada pehak swasta sendiri.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Kerajaan sedar ia-itu pak-tani² kita kerja-nya chukup susah daripada pagi sampai petang. Tidak-kah boleh Kerajaan menam-bah sabsidi daripada $16.00 itu ka-$20.00 yang $4.00 sabsidi yang mana Kerajaan Jepun telah memberi pak-tani² sabsidi yang chukup baik.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Dato' Yang di-Pertua, untok ma'aloman Dewan ini, saya telah sebutkan ia-itu pehak Kerajaan kita telah menetapkan harga padi minima tinggi $16.00 sa-pikul kalau di-bandingkan dengan harga padi di-Tenggara Asia. Saya suka-lah menjelaskan di-sini ia-itu pehak petani² dan peladang² di-negeri Thai mendapat lebeh kurang di-antara $11.00 dengan $12.00 sa-pikul sahaja ,berma'ana-lah petani² dan peladang² kita di-sini mendapat $4.00 lebeh tinggi daripada saudara² mereka yang ada di-negeri² jiran. Jadi masaalah berkenaan dengan menambahkan lagi itu sa-bagaimana yang saya telah jawab tadi ia-itu pehak Kerajaan akan menimbangkan.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Dato' Yang di-Pertua, ada-kah Kerajaan sedar bahawa walau pun Kerajaan telah menetapkan harga padi $16.00 sa-pikul, tetapi petani² yang ada di-perayeran Muda di-Kedah terpaksa men-jual padi mereka kurang daripada $16.00 oleh kerana beberapa hal yang tertentu dengan potongan² yang telah di-kenakan dengan sa-chara meter itu dan ini, dan kalau-lah sedar, apa-kah tindakan Kerajaan untok supaya petani² itu walau pun sa-chara macham mana juga dapat hasil daripada penjualan-nya $16.00 sa-pikul.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Dato' Yang di-Pertua, pehak Kerajaan dan Kementerian saya sedar berkenaan dengan perkara ini. Harga $16.00 sa-pikul minima ini, ia-lah di-beli di-pintu kilang dan padi yang di-bawa itu hendak-lah berseh tidak kotor dan tidak pula lembab, ia-itu tidak lebeh daripada sekarang ini 14%. Jadi kalau sa-kira-nya padi itu tidak di-bawa ka-kilang, tetapi di-ambil di-tengah bendang atau pun di-tempat² jualan² yang lain sudah tentu-lah pehak peladang² dan petani² terpaksa-lah menanggong berkenaan dengan pengangkutan padi daripada tempat itu ka-kilang. Sa-kira-nya padi-nya pula kotor, atau pun tidak berseh, maka terpaksa-lah barang-kali di-potong sadikit sa-banyak daripada padi itu dengan sebab memandangkan atau menimbangkan kekotoran itu. Sa-kira-nya pula padi itu lebeh daripada 20% atau pun 18% terpaksa-lah di-adakan potongan ber-kenaan dengan itu. Jadi pehak Kerajaan sedar berkenaan dengan potongan² itu dan pehak Kerajaan ada-lah menjaga supaya potongan² yang tidak sa-patut-nya di-buat di-lakukan sa-bagaimana yang sudah² sa-umpama potong ghaib dan sa-bagai-nya. Jadi perkara ini pehak Kerajaan sedang mengawas supaya potong² ghaib atau potong yang tidak di-luluskan ini di-jalankan.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Kerajaan sedar dengan sebab swasta menaikkan harga yang lebeh tinggi sa-hingga sampai $25 sa-pikul dengan demikian me-nyebabkan kilang² yang di-anjorkan oleh Kerajaan dan sharikat kerjasama menang-gong kerugian dengan ini menyebabkan

chara² untok mensabotajkan kilang² sharikat kerjasama atau kilang yang di-anjorkan oleh Kerajaan.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Dato' Yang di-Pertua, perkara ini saya rasa tidak ada berlaku sekarang ini. Kalau sa-kira-nya ada berlaku, saya minta-lah kapada Ahli Yang Berhormat memberi tahu kilang mana dan insha' Allah pehak FAMA akan menolong membeli atau menjual padi ka-kilang itu untok di-kilangkan.

PERHUBONGAN DIPLOMATIK DENGAN REPUBLIK CHINA KOMINIS

2. Tuan V. David bertanya kapada Perdana Menteri ada-kah Kerajaan bersedia memulakan perhubongan diplomatik dengan Republik China Kominis.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah kerap kali menerangkan dalam persidangan ini berkenaan dengan pendirian Malaysia terhadap perhubongan diplomatik dengan Republik China Kominis. Jadi oleh itu, saya fikir tidak perlu saya ulang lagi pada kali ini.

MAJLIS GERAKAN NEGARA—JUMLAH PERBELANJAAN

3. Tuan V. David bertanya kapada Perdana Menteri untok mengemukakan jumlah perbelanjaan yang terlibat dalam masa naungan Majlis Gerakan Negara.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, peruntokan yang telah di-luluskan sa-bagai perbelanjaan mengurus Pejabat Pengarah Gerakan yang menyelenggarakan hal ehwal Majlis Gerakan dan Pentadbiran Negara ada-lah saperti ini:

1969	$528,568
1970	$823,128
1971	$800,800

Bagi tahun 1969 ia-itu bagi jangka masa 15 Mei hingga 31 Disember jumlah perbelanjaan sa-benar-nya ada-lah sa-banyak $376,885.68. Oleh kerana kira² penamat bagi tahun 1970 belum lagi di-sediakan, perbelanjaan yang sa-benar-nya tidak dapat di-beri. Bagaimana pun ada-lah di-anggarkan sa-banyak lebeh kurang $750,000 akan di-belanjakan. Bagitu juga bagi tahun 1971 sa-banyak lebeh kurang $100,000 sahaja di-anggarkan akan di-belanjakan memandangkan bahawa Majlis Gerakan Negara telah di-bubarkan dengan kembali-nya Kerajaan demokrasi berparlimen.

VIETNAM UTARA DAN KOREA UTARA—MENIMBANGKAN PENGIKTIRAFAN

4. Tuan V. David bertanya kapada Perdana Menteri sama ada Kerajaan menimbangkan untok mengiktirafkan Vietnam Utara dan Korea Utara bagi membuktikan niat suchi polisi Kerajaan yang bukan komunis.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, terlebeh dahulu saya suka menegaskan bahawa dasar Kerajaan non-aligned kita ada-lah di-jalankan dengan ikhlas. Soal pengiktirafan sa-suatu negara tidak berbangkit di-sini, kerana pengiktirafan ia-lah perkara bilateral di-antara kedua negara yang berkenaan dan berdasarkan kesanggupan negara² hormat-menghormati keutohan dan kedaulatan satu dengan lain dan keinginan untok hidup dalam aman damai di-antara satu sama lain.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Sa-belum daripada kita dapat keutohan daripada negara² yang di-sebutkan ini, dapat-kah pehak Kerajaan memberikan kebenaran kapada ahli² perniagaan di-negeri ini supaya membuat perhubongan perdagangan dan perusahaan sa-bagaimana yang telah di-buat oleh negara Jepun dan negara² lain.

Perdana Menteri Tuan yang di-Pertua, itu boleh di-timbangkan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah benar bahawa Korea Utara ada menghantar orang perantaraan-nya sa-chara sulit untok membuat perhubongan diplomatik dengan kita, saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh memberi keterangan dalam hal ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengetahui hal ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

(Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang tidak hadhir. Pertanyaan²-nya: No. 5 hingga No. 7).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Goh Hock Guan.

(Yang Berhormat Tuan Goh Hock Guan tidak hadhir. Pertanyaan²-nya: No. 8 hingga No. 10).

JALAN BRUAS DAN BATU HAMPAR—MELURUSKAN

11. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom menyatakan sama ada beliau mempunyaï apa² chadangan atau fikiran untok meluruskan lima batu jalan yang berkelok² di-antara Bruas dan Batu Hampar di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Kedua.

Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom (Tun V. T. Sambanthan): Tuan Yang di-Pertua, ranchangan² untok memperbaiki, memperbesar dan meluruskan jalan ada-lah biasa-nya mengikut kedudokan bilangan lalu-lintas di-tiap² jalan dan potensi ekonomi-nya. Pengiraan lalu-lintas telah di-jalankan dua kali tiap² tahun dan unit peranchang jalan raya telah mengambil perhatian kedudokan bilangan lalu-lintas di-tiap² jalan. Oleh kerana bilangan lalu-lintas ada-lah ber-kurangan, jalan ini tidak akan di-luaskan dalam masa Ranchangan Malaysia Yang Kedua.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Soalan tambahan. Oleh sebab Yang Ber-hormat Menteri tadi menyatakan kelurusan jalan ini bergantong kapada penggunaan jalan raya itu sendiri, ada-kah Kerajaan berchadang untok meluluskan selekoh² jalan raya di-antara Bentong dengan Kuala Lumpur, sebab jalan ini ia-lah satu jalan yang mustahak yang menghubongkan Pantai Timor dengan Pantai Barat. Terima kaseh.

Tun V. T. Sambanthan: (*Dengan izin*) We have been straightening the road, Sir, between here and Bentong.

JAMBATAN BOTA YANG ROSAK SA-MASA BANJIR

12. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom menyatakan bila-kah jambatan Bota yang telah rosak sa-masa banjir tahun 1967 akan di-bena sa-mula. Jika ya, bila-kah projek itu akan di-siapkan dan berapa belanja untok membena jambatan itu.

Tun V. T. Sambanthan: Tuan Yang di-Pertua, pembenaan sa-mula jambatan Bota sedang di-jalankan. Jambatan ini di-jangka akan siap pada tahun 1972. Anggaran per-belanjaan benaan di-jangka memakan belanja sa-banyak $2½ juta ringgit.

TEKSI² MENGIKUT BANGSA—BILANGAN

13. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Pengangkutan menyatakan jumlah bilangan teksi² yang di-jalankan mengikut bangsa hingga Disember, 1970, nyatakan

(*a*) Berapa bilangan Lesen A dan Lesen Perkhidmatan Pengangkutan Jalan Raya yang telah keluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan Raya 1970.

(*b*) Berapa bilangan tiap² lesen yang di-keluarkan mengikut bangsa.

(*c*) Berapa bilangan permintaan yang telah di-terima mengikut bangsa. Berapa di-batalkan dan apa sebab²-nya.

(*d*) Berapa lama masa untok Pesurohjaya Pengangkutan Jalan Raya meninjau sa-suatu permintaan bagi Lesen tersebut apabila semua kehendak telah di-penohi oleh peminta.

Menteri Pengangkutan (Dato' Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua,

(A) Jumlah lesen membawa Jenis "A" dan Lesen Bas yang di-keluarkan sa-hingga bulan Disember, 1970 ada-lah saperti berikut:

(*a*) Lesen Membawa Jenis "A"	3,787
(*b*) Lesen Bas	158
	3,945

(B) Jumlah lesen ini menurut bangsa ada-lah saperti di-bawah ini:

Jenis Lesen	*Melayu*	*Champoran*	*Bukan Melayu*
(i) Lesen membawa Jenis "A"	259	447	3,081
(ii) Lesen Bas	37	74	47
	296	521	3,128

(C) Jumlah permohonan² lesen ini yang di-terima dan di-tolak menurut bangsa ada-lah saperti berikut:

Jenis Lesen	*Di-terima*			*Di-tolak*		
	Melayu	*Champoran*	*Bukan Melayu*	*Melayu*	*Champoran*	*Bukan Melayu*
(i) Lesen membawa Jenis "A" semenjak 1964-1970 ..	698	736	1,173	241	330	393
(ii) Lesen Bas (semenjak tahun 1964-15-2-1971)	339	733	142	30	25	5

Penolakan permohonan lesen² ini ada-lah di-sebabkan oleh salah satu daripada perkara² sa-bagaimana yang terdapat di-dalam Ordinan Lalu Lintas Jalan Sekshen 118 pechahan (2) saperti berikut:

(i) Gagal mengemukakan bukti bahawa jalan² di-kawasan itu sesuai untok digunakan oleh bas atau lori yang diminta;

(ii) Gagal mengemukakan bukti keperluan kenderaan di-kawasan yang di-minta;

(iii) Gagal mengemukakan kebolehan kewangan;

(iv) Gagal mengemukakan bukti bahawa pemohon memerlukan perkhidmatan pengangkutan untok perdagangan;

(v) Tidak menyatakan jumlah dan jenis kenderaan yang akan di-gunakan;

(vi) Pemohon² yang telah mempunyai lesen yang sama dengan lesen yang diminta, mereka gagal mengemukakan bukti keperluan kenderaan di-kawasan yang di-minta itu.

Di-samping itu pula pengeluaran lesen lori dan bas ada-lah juga tertaalok kapada Sekshen 118, Pechahan (5) di-mana pemohon gagal membuktikan bahawa ada penyertaan bumiputra dalam permohonan-nya:

(D) Pehak yang berkenaan menimbangkan permohonan lesen lori dan bas ia-lah Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan dan bukan-nya Pesurohjaya Pengangkutan Jalan. Lama-nya Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan memproseskan permohonan ini ada-lah satu perkara yang tidak dapat di-kira dengan tepat kerana ia-nya ada-lah bergantong kapada faktor saperti di-bawah ini:

(i) Saksi² yang di-bawa dalam masa perbicharaan tidak menchukopi;

(ii) Pehak Pembangkang lebeh ramai daripada pemohon, menyebabkan permohonan-nya mendapat tentangan yang kuat;

(iii) Pehak pemohon atau pembangkang menggunakan peguamchara dan peguambela;

(iv) Banyak-nya permohonan yang di-terima dan masa yang di-ambil bagi menjalankan perbicharaan itu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan . . . . . .

Tuan Yang di-Pertua: Ini dahulu.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, berpandu kapada Article 153 apa-kah langkah² yang tegas yang sedang di-ambil, atau akan di-ambil oleh Kementerian ini untok mempersaimbangkan pemegang permit teksi, lori dan bas.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, pada waktu ini permohonan² daripada bumiputra-lah yang kita beri keutamaan terlebeh dahulu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, ada-kah bilangan² yang di-sebutkan oleh Menteri Pengangkutan tadi termasok teksi yang di-Ali Babakan. Jikalau-lah itu termasok saya minta pandangan daripada Menteri yang berkenaan apa-kah pandangan Kerajaan dan tindakan Kerajaan terhadap keadaan yang tersebut?

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain. Yang di-tanya di-sini, ia-lah lesen A dan bas. Jadi soalan itu ada lain, jadi barangkali Ahli Yang Berhormat hendak meminta pandangan, saya minta notis-lah.

Tuan Yang di-Pertua: Saya bersetuju Ali-Baba tidak masok di-sini (*Ketawa*).

BANTUAN KEWANGAN KAPADA PENUNTUT² LUAR BANDAR

14. Tuan T. S. Gabriel bertanya kapada Menteri Pelajaran apa-kah tindakan yang telah di-ambil oleh Kementerian untok membantu sa-chara kewangan penuntut² luar bandar yang miskin untok melanjutkan pelajaran mereka.

Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Dato' Onn): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan ada mengeluarkan Biasiswa Persekutuan Kechil, ia-itu Federal Minor Scholarship pada tiap² tahun untok membantu sa-chara kewangan penuntut² luar bandar yang miskin. Murid² yang berhak menerima-nya ia-lah murid² di-Sekolah² Menengah Kebangsaan dan Jenis Kebangsaan dari kelas peralehan sa-hingga Tingkatan V.

Pemberian ini bergantong di-atas kemiskinan ibu bapa dan juga kelayakan akademik mereka.

Murid² di-kelas peralehan Tingkatan I, II dan III menerima $15 sa-bulan dan murid² di-Tingkatan IV dan V $20 sa-bulan. Saya suka juga memberi angka² besar berkenaan dengan bantuan² yang di-beri oleh Kerajaan kapada murid² yang miskin:

Pada tahun 1965 telah di-keluarkan bayaran sa-banyak	$1,100,000
Pada tahun 1966	1,200,000
Pada tahun 1967	1,600,000
Pada tahun 1968	$2,000,000
Pada tahun 1969	2,500.000
Pada tahun 1970	2,550,000

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang permohonan di-buat oleh ibu bapa yang miskin untok biasiswa atau buku² free, tindakan di-ambil sangat lambat, ada-kah satu masa di-beri oleh pehak Kementerian Pelajaran untok tindakan di-ambil dengan sa-berapa chepat yang mungkin?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, ia-lah saya akan menengok perkara itu tentu ada perkara² dan bahagian² sa-bilangan daripada itu barangkali lambat. tetapi masaalah ini Kementerian saya akan mengambil pandangan dan menchuba sa-berapa daya upaya melekaskan pemberian bantuan itu.

Tuan Hussein bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa dalam meluluskan permohonan biasiswa kechil ini banyak menimbulkan rasa tidak puas hati di-kalangan ibu bapa tentang chara membuat keputusan di-peringkat Negeri atau pun di-peringkat Pusat kerana kadang-kala keputusan yang di-buat oleh Lembaga itu tidak menepati saperti kata Yang Berhormat Menteri tadi berdasarkan kapada kemiskinan ibu bapa dan berdasarkan kapada kelayakan akademik mereka.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Saya sedar tentu-lah, Tuan Yang di-Pertua, bila perkara sa-macham ini mengenaï beribu² kanak² tentu ada sa-bilangan yang tidak puas hati dan sa-bilangan yang puas hati, saya sedar benda itu, tetapi bagi Kementerian saya dan Pejabat² Pelajaran di-Negeri², sa-berapa yang boleh, memberi sa-chukup² ke'adilan kapada orang² yang berkehendakkan bantuan ini.

Tuan Hussein bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Yang Berhormat Menteri sedar akan masa-alah ini, ada-kah Yang Berhormat Menteri setuju kira-nya pada masa akan datang ini penapisan berkaitan dengan ini hendak-lah di-beri kuasa kapada Jema'ah Pengurus di-tiap² sekolah?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Masaalah ini, Tuan Yang di-Pertua, jikalau Ahli Yang Berhormat itu atau ibu bapa ada suatu perkara yang tidak puas hati jemput-lah berutus

dengan saya. Saya hendak memberi pengumuman, perjanjian, mengatakan saya akan adil, akan menengokkan tiap² satu itu sahingga puas hati, tetapi jika Ahli Yang Berhormat itu ada perkara², atau pun sungutan² daripada ibu bapa yang mengatakan dia tidak dapat keadilan, jemput-lah berutus dengan saya.

Tuan Hussein bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya bertanya tadi ada-kah Yang Berhormat Menteri bersetuju kira-nya penapisan ini di-beri kapada pehak Jema'ah Pengurus sa-belum di-angkat kapada Ketua Pegawai Pelajaran Negeri.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Ini oleh kerana perkara ini tidak ada dalam fikiran saya, saya akan timbangkan.

Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, ada-kah pehak Kementerian membuat chadangan untok memberi bantuan sa-chara kewangan kapada penuntut² sekolah menengah dalam aliran ugama?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada ingatan ada sekolah menengah aliran ugama, sekolah menengah kebangsaan, sekolah menengah jenis kebangsaan ada.

Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Ada-kah tidak ada chadangan untok memberi bantuan kewangan kapada mereka itu?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, bagi Federal tidak ada, Negeri ada.

TANGGA-GAJI GURU² UGAMA ISLAM

15. Tuan T. S. Gabriel bertanya kapada Menteri Pelajaran ada-kah beliau akan membaiki tangga gaji untok guru² ugama Islam.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pusat hanya bertanggongjawab mengenai tangga gaji bagi guru² ugama Islam di-sekolah² menengah sahaja. Tangga gaji mereka ini ada-lah termasok dalam bidang tugas Surohanjaya Gaji Guru² Aziz. Oleh itu sa-barang tindakan untok memperbaiki tangga gaji ini ada-lah bergantong kapada keputusan Kerajaan mengenai shor² Surohanjaya itu kelak.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, ada-kah Kementerian Pelajaran berchadang hendak mengambil aleh guru² ugama di-sekolah² rendah yang kedudokan-nya sekarang tidak memuaskan dari segi latehan dan dari segi gaji yang di-biayai oleh Kerajaan Negeri. Ada-kah pehak Kementerian Pelajaran mahu mengambil aleh tanggong-jawab yang tersebut?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, tentu Ahli Yang Berhormat itu ma'alum, ia-itu tanggongan dan pentadbiran guru ugama di-sekolah rendah ia-lah di-tangan Kerajaan Negeri dan tidak-lah di-tangan Kerajaan Persekutuan, ia-itu sabagaimana Ahli Yang Berhormat mengetahui ia-lah bersangkut-paut dengan masaalah ugama, dan kuasa-nya itu tidak-lah ada di-tangan Kerajaan Pusat. Kuasa-nya ia-lah di-tangan Kerajaan Negeri.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya ada-kah Kementerian Pelajaran berchadang hendak mengambil aleh tanggong-jawab itu daripada Kerajaan Negeri kapada Kerajaan Persekutuan. Itu sahaja.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Kerajaan Pusat tidak ada kuasa berchadang hendak mengambil kuasa yang di-tangan Kerajaan Negeri. Macham mana Kerajaan Pusat berchadang hendak mengambil-nya. Itu yang saya terangkan dengan pendirian Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua: Faham-kah, atau tidak? (*Ketawa*).

SIJIL KERA'AYATAN DI-KELUARKAN DI-BAWAH PERKARA 30

16. Tuan V. David (*di-bawah S.O. 24 (2)*) minta kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

(*a*) jumlah orang yang memegang sijil kera'ayatan di-bawah Perkara 30 yang belum menyerahkan sijil-nya untok disahkan hingga 1hb Januari, 1971;

(*b*) antara sijil² yang telah di-serahkan ini ada-kah beliau akan melaraskan kesilapan² yang telah di-buat terdahulunya dalam sijil² saperti itu dengan memansokhkan sahaja sijil tersebut dan mengarahkan mereka yang terlibat itu memohon sa-mula ia-itu dengan sharat sijil² tersebut telah terdapat bukan dengan memberi keterangan² palsu.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Speaker, (*a*) Jumlah bilangan sijil² yang di-keluarkan di-bawah Perkara 30 yang belum lagi di-serahkan untok di-pereksa hingga 1hb Januari, 1971 ia-lah 230,659.

(*b*) Sijil kera'ayatan yang di-dapati tidak terator akan di-batalkan dan pemegang²-nya di-minta membuat permohonan² baharu di-bawah perkara² yang sesuai mengikut kelayakan sa-saorang itu. Pemohon² dalam gulongan ini akan di-beri keutamaan.

OMBUDSMAN—MENGADAKAN

17. Tuan V. David (*di-bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kapada Perdana Menteri bila-kah Kerajaan akan mengadakan OMBUDSMAN.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengambil keputusan tidak melantek sa-orang "Ombudsman".

Kerajaan telah mengkaji dengan sa-dalam²-nya institiusi "Ombudsman" ini dan berpendapat ia-itu ada lebeh sesuai dengan keadaan di-Malaysia di-tubohkan suatu Biro Pengaduan yang akan bertanggong-jawab memelihara kechekapan dan juga ke'adilan dalam pentadbiran. Biro ini akan menerima pengaduan² dan rayuan² berkenaan dengan pentadbiran yang di-adakan oleh Kerajaan, atau yang timbul daripada sebarang tindakan pentadbiran dan Biro ini akan menyiasat dan mengambil tindakan yang sewajar-nya. Biro ini telah pun di-tubohkan di-bawah Jabatan Perdana Menteri dan keterangan yang lanjut berkenaan dengan Biro ini akan di-siarkan tidak berapa lama lagi. Pada masa ini Jabatan Perdana Menteri telah pun melayani aduan² daripada orang ramai dan mengambil tindakan dengan sa-berapa yang boleh.

RUMAH² SEMBELIH DI-IBU KOTA

18. Tuan V. David (*di-bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kapada Menteri Teknoloji, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan, mengapa penyembelehan babi di-rumah² sembeleh di-Ibu Kota, Kuala Lumpur di-lakukan sa-kali sahaja sa-hari ia-itu pada pukul 4 pagi pada hal pada masa dahulu sembelehan² saperti itu di-lakukan dua kali sa-hari ia-itu pada pukul 4 pagi dan 2 petang.

Menteri Teknoloji, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, babi yang ada tidak mencukupi untok penyembelehan kali kedua dan tidak ada sa-barang permintaan dari penyembeleh² supaya di-sediakan perkhidmatan saperti itu. Walau bagaimana pun pada hari² keramaian atau perayaan, penyembelehan di-lakukan dua kali sa-hari.

(*Jawapan lisan bagi Pertanyaan² Mulut No. 5-10 di-beri di-bawah ini kerana Yang Berhormat Ahli² yang berkenaan tidak hadhir*).

5. Tuan Lim Kit Siang bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sama ada beliau sedar akan aduan² yang berluas²an oleh orang² tahanan dan sanak saudara mereka mengenai keadaan burok di-pusat² tahanan, dan menyatakan sama ada beliau akan menubohkan sa-buah jawatan-kuasa sa-parlimen bagi menyiasat keadaan² orang² tahanan politik di-bawah Act Keselamatan Dalam Negeri dan membuat pembaikan².

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail): Saya sedar memang ada sungutan² (complaints) daripada saudara-mara orang² tahanan tetapi perkara ini bukan-lah satu perkara yang luar biasa. Apa layanan sekali pun di-beri kapada orang² tahanan tidak akan memuaskan semua orang² tahanan atau saudara mara mereka.

Harus di-ingat bahawa keadaan di-dalam tempat² tahanan bukan-lah saperti keadaan di-luar: hak² orang² tahanan ia-lah terbatas mengikut peratoran² di-tempat² tahanan. Dalam pada itu kehidupan mereka tidak-lah boleh di-katakan dalam keadaan burok.

Penubohan sa-buah jawatan-kuasa sa-bagai yang di-chadangkan itu tidak-ah perlu, kerana saya puas hati di-atas pentadbiran tempat² tahanan yang berjalan sekarang.

6. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada ia sedar atau tidak yang keadaan di-tempat² kurongan di-lockup Polis ada-lah burok; dan apa-kah langkah yang telah di-ambil untok membaiki-nya.

Tun Dr Ismail: Sa-belum tempat² kurongan di-gunakan, tempat² itu telah di-pereksa oleh Pegawai Kesihatan terlebeh dahulu untok menentukan sama ada sesuai bagi orang² tahanan atau tidak. Sa-lepas mendapat pengakuan daripada Pegawai Kesihatan baharu-lah tempat² kurongan itu di-persetujukan. Sunggoh pun keadaan tempat² kurongan itu

tidak sa-bagitu baik-nya saperti di-dapati di-hotel², akan tetapi ia-nya ada-lah memuaskan.

Kerajaan juga telah mengujudkan Peratoran² Bilek Kurongan 1953 atau "Lockup Rules 1953". Mengikut Peratoran² ini kemudahan² di-beri supaya peguam, saudara dan rakan² boleh melawat orang² tahanan. Juga Peratoran² ini memperuntokkan perkara² saperti menerima dan mengirim surat, menerima buku bachaan, surat khabar dan pemereksaan doktor.

7. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementeriannya mempunyaï ranchangan untok memulakan "University of the Air" dengan menjalankan kursus² untok ra'ayat Malaysia melaluï Radio dan Talivishen supaya dapat memberi peluang untok pelajaran tinggi kapada ra'ayat Malaysia.

Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Dato' Onn): Kementerian saya belum ada mempunyaï ranchangan untok mengadakan kursus peringkat Universiti di-udara melaluï Radio atau Talivishen.

8. Tuan Goh Hock Guan minta Menteri Teknoloji, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan menerangkan mengapa-kah dokumen² yang terpenting saperti Master Plan bagi bandar Kuala Lumpur telah di-sediakan dengan sechara terburu² dengan tidak mendapat chukup penyiasatan dan persediaan yang memuaskan dan mengapa-kah tidak ada kenyataan yang di-sertakan bersama² dengan penyiasatan serta mempelajari sa-bagaimana yang di-kehendaki bagi tiap² bandar.

Menteri Teknoloji, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Ong Kee Hui): Ranchangan² Pembangunan Lengkap Kuala Lumpur (Kadang-kala di-panggil Pelan Bandar yang di-luluskan atau Pelan Induk) telah di-wartakan dan di-sediakan mengikut peruntokan² Bahagian IX, Enakmen Lembaga Bandaran (Bab 137) yang menyatakan dengan jelas peratoran yang sepatut di-ikut pada menyediakan Pelan² Bandar. Saya berpuas hati yang peruntokan² undang² telah di-patohi dan pelan² yang telah di-tawarkan sa-bagai pelan² itu ada-lah saksama, boleh di-laksanakan dan sanggup menyempurnakan tugas Surohanjaya Ibu Kota dengan lengkap dan kemas. Pada menyediakan Ranchangan² Pembangunan Lengkap, analisa mengenaï beberapa penyelidekan dan laporan² telah di-timbangkan sa-belum ranchangan² itu di-susun.

Oleh kerana ranchangan² itu di-wartakan untok menggantikan Pelan Bandar yang di-luluskan pada tahun 1939, dan menurut peratoran² dalam Enakmen Lembaga Bandaran, pelan² tambahan tidak di-terbitkan walaupun ia-nya di-sediakan bagi siapa jua orang yang berminat khas atau profeshen berhubong dengan-nya dan boleh di-pereksa di-pejabat² Pehak-berkuasa Peranchang Ibu Kota.

(*Dengan izin*) The gazetted Comprehensive Development Plans of Kuala Lumpur (sometimes referred to as the Approved Town Plan or Master Plan) were prepared in accordance with the provisions of Part IX of the Town Boards Enactment (Cap. 137) which clearly sets out the procedure to be adopted in the preparation of Town Plans. I am satisfied that the provisions of the law have been complied with and the plans gazetted are balanced and workable plans capable of fulfilling adequately and efficiently the vital functions of the Federal Capital. In preparing the Comprehensive Development Plans, analysis of many subsidiary surveys and reports were considered before they were drawn.

Since the plans were being gazetted to replace the Approved Town Plan of 1939 and followed the procedures of the Town Boards Enactment, subsidiary plans are not published, although they are available for inspection to any person who has special or professional interest in them and may be examined in the offices of the Federal Capital Planning Authority.

9. Tuan Goh Hock Guan minta Menteri Teknoloji, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan menerangkan sama ada beliau akan menimbangkan untok mengadakan pertandingan menchipta oleh arkitek² dan peranchang² bandar untok mengindahkan lagi Master Plan bagi bandar Kuala Lumpur sama ada arkitek² dari dalam mahu pun dari luar negeri untok turut mengambil bahagian, untok mengambil aleh dari apa yang telah tersedia yang di-anggapkan kurang memuaskan.

Dato' Ong Kee Hui: Perkara ini akan di-timbangkan oleh Kementerian saya apabila suatu pemereksaan ulangan atas Ranchangan²

Pembangunan Lengkap di-jalankan kelak oleh Pehak-berkuasa Peranchang Ibu Kota, sa-bagaimana yang di-peruntokkan di-bawah undang².

(*Dengan izin*) This matter may be considered by my Ministry when a review of the Comprehensive Development Plans, as provided for under the law, is undertaken by the Federal Capital Planning Authority.

10. Tuan Goh Hock Guan (*Dengan izin*) asks the Minister of Finance to state:

(*a*) the total National Debt;

(*b*) the interests paid annually;

(*c*) the maturing dates for repayment.

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin): (*Dengan izin*)

(*a*) The total national debt as at 31st December, 1970, stood at $5,008.9 million.

(*b*) The total interest payable annually varies from year to year depending on the amount of loans still outstanding and the rates of interest on the loans. The total amount of interest paid in 1968 was $185.2 million, in 1969 $211.6 million, and in 1970 $253 million. The interest for 1971 is estimated at $300.1 million.

(*c*) The maturity dates for the repayment of loans raised until 31st December, 1969, are shown on pages (iv) to (x) of the Estimates of Malaysia Federal Revenue and Expenditure for the Year 1971. The maturity dates in respect of loans raised in 1970 are spread over the period 1972 to 2018.

RANG UNDANG² DI-BAWA KA-DALAM MESHUARAT

THE PRESIDENT OF THE SENATE AND THE SPEAKER (REMUNERATION) BILL

Rang Undang² suatu Akta bagi meminda Akta Saraan Yang di-Pertua Dewan Negara, 1960 dan Akta Saraan Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat, 1960 di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Timbalan Menteri kapada Perdana Menteri; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG²

RANG UNDANG² (PINDAAN) ACHARA KEWANGAN

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan Rang Undang² bertajok suatu Akta untok meminda Ordinan Peratoran Kewangan, 1957 di-bacha bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang² ini ia-lah untok masok ka-dalam undang² kekal akan Ordinan Kuasa² Perlu Dharurat Bilangan 17, 1970 yang telah di-ishtiharkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 6hb Januari, 1970 untok meminda Section 15 dan 29 Ordinan Kewangan, 1957 itu.

Pindaan yang di-nyatakan dalam Jadual kapada Rang Undang² ini ada-lah untok membolehkan satu pindaan kechil di-buat berkenaan dengan chara mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Tahunan sa-bagaimana yang di-perlukan di-bawah Fasal 99 dalam Perlembagaan. Pada masa² yang telah lalu Section 15 (2) Ordinan Peratoran Kewangan atau Section 29 (2) yang di-kuatkuasakan di-Negeri² ada-lah memerlukan supaya Pechahan² Kepala yang pertama di-bawah mana² Kepala Perbelanjaan di-dalam Anggaran itu menunjokkan dengan sa-penoh²-nya jawatan² di-dalam sa-suatu Kementerian atau Jabatan dengan tajok² dan tangga gaji²-nya serta juga peruntokan yang di-anggarkan untok membayar gaji pada mereka dalam tahun anggaran tersebut. Dengan demikian Buku Anggaran tahunan telah menjadi dokument yang tebal sa-bahagian besar daripada-nya mengandongi butir² detail berkenaan perjawatan yang hanya di-perlukan untok maksud pentadbiran sahaja dan bukan-nya untok keperluan Majlis Perundangan.

Oleh itu tiada-lah perlu butir² detail itu di-masokkan dalam Buku Anggaran kerana perkara kakitangan dalam Perkhidmatan² Awam itu ada-lah sa-mata² perkara hari² pentadbiran Kerajaan. Yang sa-benar-nya kuasa untok meminda bilangan jawatan, atau

pun kadar² gaji telah pun di-beri kapada Perbendaharaan di-bawah Sekshen 15 (3) Ordinan Peratoran Kewangan.

Sa-benar-nya pindaan² berkenaan perkara yang tersebut memang selalu di-buat oleh Perbendaharaan dari masa ka-samasa apabila di-perlukan. Pindaan² ada-lah di-buat untok membetulkan kesilapan² atau pun untok melaksanakan persetujuan² yang telah di-chapai dengan kesatuan² kakitangan. Pindaan ini tidak di-kehendaki di-sahkan oleh Majlis Perundangan di-bawah mana² undang². Pindaan² yang di-buat dalam mana² tahun, jika ada, akan di-bayangkan dalam Anggaran² tahun yang berikut. Dengan hal yang demikian ada-lah lebeh sesuai untok menunjokkan hanya bilangan jawatan yang di-benarkan di-bawah satu² Kepala perbelanjaan untok satu² tahun dan jumlah wang yang akan di-peruntokkan untok tahun² itu.

Butir² detail mengenai jawatan² dan kadar² gaji yang telah di-benarkan boleh-lah di-senaraikan dalam buku berasingan yang bertajok "Senarai Perjawatan". Buku "Senarai Perjawatan" akan di-chetak bagi kegunaan pentadbiran sahaja dan mungkin di-bentangkan untok Dewan ini untok maaloman Dewan sahaja. Tetapi buku tersebut tidak perlu di-bentangkan bersama Anggaran Belanjawan, tambahan pula dengan pelaksanaan Laporan Surohanjaya Suffian ada-lah lebeh mustahak supaya senarai perjawatan di-sediakan dalam buku yang berasingan, oleh kerana sunggoh pun tangga gaji yang ada sekarang akan di-ubahkan kapada tangga² gaji yang baharu, ada di-antara kakitangan² Kerajaan yang akan memileh tangga gaji yang lama.

Timbalan Menteri kapada Jabatan Perdana Menteri (Tuan Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang²

Jadual di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² (PINDAAN) BIL PERTUKARAN

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan Rang Undang² bernama satu Akta bagi meminda Ordinan Bil Pertukaran, 1949 di-bacha bagi kali kedua.

Sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat mengetahui, mulai daripada 5hb Julai, 1969, bank² di-United Kingdom telah berhenti menjalankan urusan² pada hari Sabtu, dan di-ikuti pula oleh pusat² pertukaran wang antarabangsa di-United Kingdom, tempat² lain di-Eropah dan juga di-Amerika Sharikat, dengan memberhentikan pertukaran² wang asing pada hari Sabtu. Bank² di-Malaysia telah mengalami beberapa kerumitan dalam menjalankan urusan pertukaran wang asing pada hari Sabtu, sa-lain daripada pertukaran² wang Singapura dan Brunei, kerana tidak dapat mengambil balek pertukaran wang mereka sa-hingga hari Isnin yang berikutan.

Ini ada-lah di-sebabkan oleh Sekshen 14 dan 92 di-dalam Ordinan Bil Pertukaran 1949 yang memperuntokkan bahawa bill² pertukaran yang telah sampai tempoh pembayaran-nya pada hari Sabtu ada-lah perlu di-bayar pada hari itu juga. Dengan hal yang demikian, pindaan² telah di-buat kapada Ordinan Bil Pertukaran, 1949, ia-itu Sekshen 2, 14 dan 92, dengan memperuntokkan bahawa bil² pertukaran asing yang sampai tempoh pembayaran-nya pada hari Sabtu tidak-lah perlu di-bayar sa-hingga hari Isnin yang berikutan. Pertukaran² wang² Brunei dan Singapura ada-lah di-kechualikan kerana interchangeability-nya dengan wang² Malaysia. Pindaan² telah di-buat dengan Ordinan (Kuasa² Perlu) Dharurat No. 9, 1969, yang di-ishtiharkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di-bawah Article 150 (2)

Perlembagaan yang di-terbitkan sa-bagai P.U. (A) 431 pada 30hb Oktober, 1969.

Rang Undang² ini hanya-lah untok meletakkan peruntokan² ini sa-bagai undang² tetap.

Ahli² Yang Berhormat mungkin tahu bahawa bank² perdagangan di-Malaysia dan Singapura telah berhenti menguruskan pertukaran² wang asing pada hari Sabtu, kechuali wang² Singapura dan Brunei, mulai daripada 17hb Oktober, 1970, sunggoh pun urusan² bank biasa maseh di-jalankan. Untok keperluan pelanchong², bank² akan terus mengadakan kemudahan pada hari Sabtu untok mengeluarkan dan menukarkan travellers chek dan untok membeli dan menjual wang² asing.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² UMOR DEWASA

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan ia-itu Rang Undang² yang bernama suatu Akta bagi meminda dan menyatukan undang² berhubong dengan umor dewasa di-bachakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Ng Hoe Hun (Larut Selatan): Dato' Yang di-Pertua, saya hendak menyampaikan terima kaseh kerana saya di-beri peluang untok berchakap dalam Rang Undang² berhubong dengan umor dewasa hari ini. Rang Undang² ini sangat sensible apabila umor pemuda pemudi sampai 18 tahun mereka boleh mendapat pemohon kuatkuasa, boleh berumah tangga dengan tidak ada halangan dari ibu bapa mereka.

Dato' Yang di-Pertua, pada masa ini Rang Undang² ini boleh eradicate banyak anomalies timbul tidak sa-rupa age group. Parti Gerakan dan juga saya yang mewakilinya berasa puas hati atas Rang Undang² ini. Dari kacha mata Undang², Dato' Yang di-Pertua, pemuda pemudi kita kalau Undang² ini di-luluskan mereka bukan lagi bertanggong-jawab sa-bagai minor child. Mereka boleh mendaftar untok menjadi Tentera Malaysia di-masa umor yang maseh muda dan berjuang untok negara kita dan mati kerana perjuangan mereka itu.

Dato' Yang di-Pertua, dalam perkara ini Parti Gerakan ingin tahu kalau pemuda pemudi di-Malaysia boleh menchapai kuatkuasa dan boleh berumah tangga dalam umor 18 tahun, mereka juga boleh mengundi dalam pilehanraya umum.

Dato' Yang di-Pertua, di-negeri dalam dunia ini umor 18 tahun sudah pun boleh mengundi dalam pilehanraya sa-umpama-nya di-negeri England sa-bagai satu chontoh. Bagi itu, Dato' Yang di-Pertua, Malaysia ia-lah sa-buah negeri yang sangat moden, yang sangat progressive dan kalau tidak beri pemuda pemudi mengundi dalam pilehanraya, saya rasa Malaysia tidak akan menchapai ka-taraf yang tinggi kapada semua orang dalam kawasan South East Asia. Oleh sebab itu, Dato' Yang di-Pertua, saya harap Kerajaan kita boleh beri peluang kapada pemuda pemudi apabila sampai umor 18 tahun boleh mengundi dalam pilehanraya umum.

Akhir sa-kali, Dato' Yang di-Pertua, ini boleh memberi mereka bertanggong-jawab kapada negara dari umor yang maseh muda. Terima kaseh.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong juga Rang Undang² ini, kerana

zaman sekarang ini zaman persekolahan dan zaman pengajian. Budak² yang maseh kechil chepat jadi cherdek sekarang, kerana mereka itu telah di-chadangkan sekolah² dan tempat² pengajian. Di-antara mata pelajaran yang mereka itu belajar sekarang ia-lah mata pelajaran Ugama. Khusus-nya Ugama Islam di-ajar di-merata² tempat baik di-sekolah rendah atau pun sekolah tinggi—Sekolah Menengah sampai Sekolah Tinggi. Oleh kerana pengajian Islam sekarang bagitu tersebar lebeh banyak daripada masa² yang lepas maka kerap kali berlaku orang yang belum lagi Islam hendak masok Islam. Tetapi oleh kerana umor-nya belum sampai pada perengkat 20-21 mengikut Undang² lama selalu terganggu dan selalu timbul pertelingkahan di-antara anak dan di-antara pengawal² mereka. Oleh yang demikian kalau-lah di-luluskan Undang² ini dan di-harap lulus-lah, maka banyak-lah peluang² bagi orang² yang belum Islam masok Islam dengan bagitu chepat dan kita mesti-lah memperchepatkan orang² ini masok Islam supaya dengan chara itu muhibbah dan perpaduan dapat berjalan dengan lanchar-nya.

Tuan Yang di-Pertua, 18 tahun ada-lah boleh di-katakan tinggi, boleh di-katakan lambat kalau di-bandingkan dengan sa-tengah² pendapat Ahli Undang² dalam Islam (Madzhab Shafiee) mengatakan boleh jadi sa-orang manusia itu 'akil baligh atau sampai umor bila mereka sampai umor 15 sahaja. Walau bagaimana pun saya menyokong dengan sa-penoh-nya. Terima kaseh.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Dato' Yang di-Pertua, saya sa-patut-nya sa-telah mengemukakan Rang Undang² tadi, memberi sadikit penerangan. Tetapi nampak-nya semua-nya telah bersetuju tidak berkehendakkan penerangan lagi. Chuma saya hendak menjawab sahaja, Tuan Yang di-Pertua, kapada Ahli Yang Berhormat dari Larut Selatan berkenaan dengan menchadangkan, ia-itu sunggoh pun dia bersetuju umor dewasa di-turunkan, di-tetapkan bagi semua-nya sama ada Melayu atau pun bukan Melayu, sama ada Islam atau bukan Islam bagi semua pendudok negeri ini bagi perkara² yang tertentu melainkan apa yang telah di-tetapkan umor-nya dalam undang² lain atau Perlembagaan hendak-lah di-samakan, di-jadikan 18 tahun. Ini terang dan nyata saya hendak menerangkan di-Dewan ini ia-itu yang di-katakan age of majority atau dewasa bagi 18 tahun itu ia-lah dengan tujuan mithal-nya membuat satu perjanjian dan lain². Kalau dahulu-nya orang yang bukan Islam berumor 19 tahun atau 20 tahun belum 21 tahun membuat perjanjian, mithal-nya berhutang $10,000 atau $1,000 tetapi dia belum dewasa, ta' sah di-sisi perjanjian. Tetapi bagi orang Islam 18 tahun ada-lah dewasa dan kalau dia membuat satu perjanjian berumor 18 tahun sa-hari, sah di-sisi undang². Perkara yang sa-macham ini-lah yang hendak kita satukan. Ini tujuan undang² ini bukan bagaimana yang di-anggap oleh dua orang Ahli Yang Berhormat yang berchakap tadi. Dengan sebab saya tidak memberi penerangan terlebeh dahulu dalam perkara ini, kesilapan nampak-nya telah timbul menchadangkan Ahli Yang Berhormat dari Larut Selatan, ia-itu pemuda pemudi sunggoh pun 18 tahun hendak-lah di-beri hak mengundi atau pun boleh menjadi Wakil di-Dewan.

Perkara yang saperti itu tidak-lah boleh di-buat, melainkan chadangan itu di-pinda Perlembagaan, kerana dalam Perlembagaan ada menetapkan yang boleh mengundi, yang boleh menjadi Ahli Yang Berhormat Dewan ini hendak-lah 21 tahun. Ini di-pinda bukan Undang² ini. Demikian juga mithal-nya di-Dewan Negara di-mana saya sa-orang daripada Ahli-nya hendak-lah berumor 30 tahun baharu boleh. Chukop dewasa, chukop matang orang di-sana itu, baharu boleh jadi Yang Berhormat. Chadangan itu tidak timbul melainkan di-bawa satu pindaan kapada Perlembagaan. Saya tidak perchaya Kerajaan belum lagi berchadang pada hari ini supaya membenarkan umor 18 tahun menjadi Ahli Dewan ini.

Yang kedua, berkenaan dengan masok Islam. Perkara ini timbul lagi. Perkara ini ada terchatet di-dalam Perlembagaan. Saya bachakan kapada Ahli Yang Berhormat dari Bachok mengenai Fasal 12, Rights in respect of education, ugama dan lain².

Article 12 (4) menyatakan dalam bahasa Inggeris-nya ma'afkan saya.

". . . . the religion of a person under the age of eighteen years shall be decided by his parent or guardian".

Umor sa-saorang dalam negeri ini, ugama sa-saorang dalam negeri ini, bahawa kapada lapan belas tahun akan boleh di-tentukan atau di-tetapkan oleh ibu-bapa-nya atau penjaga-nya. Di-sini Perlembagaan, berapa

kali saya telah menyatakan, ia-lah Perlembagaan kita ini bukan berdasarkan kapada Qur'an dan Hadith atau ugama Islam. Betul ugama Islam, "Ugama Rasmi". Itu sahaja di-sebut di-sini, tetapi segala yang ada dalam ini tidak di-kehendaki mengikut sa-bagaimana Undang² Islam. Ada-lah di-fikir-kan menasabah ia-itu sunggoh pun saya tahu juga dalam Hukum Shara' sa-saorang yang sudah baligh, pada masok Islam maka wajib sa-saorang itu di-Islamkan, boleh masok Islam. Kita tahu semua, tetapi ada juga yang berdegil. Sa-orang yang bukan Islam, ber-umor enam belas tahun hendak juga masok Islam, tetapi bila di-bawa di-hadapan Imam atau Kadhi yang tidak tahu Perlembagaan, dia masok Islam—nikah pula terus; datang ibu bapa-nya pula mengadu, mengatakan ambil tindakan Mahkamah, ia-itu berlawanan dengan Perlembagaan, ambil balek anak-nya, pada hal sudah kahwin. Kadang² sudah ada enam bulan pula, macham mana perkara ini? Di-situ-lah timbul perbalahan, ia-itu pada pendapat saya, kalau sa-saorang hendak masok Islam, kalau kita takut jadi berdosa dan lain², kalau boleh enam belas tahun, bawa dia tepi, diam² sahaja, menguchap dua kalimah shahadat. Ajarkan dia, salam. Ingat sadikit, diam² sahaja sampai lapan belas tahun baharu beri tahu, kita lepas-lah. Jadi, dia punya fasal-lah! Satu daripada chara-nya, lepas. Banyak chara kita orang Islam, kita tahu gunakan akal, tetapi tidak boleh di-ishtiharkan atau Islam sa-saorang itu lapan belas tahun, melainkan lapan belas tahun atau lebeh baharu dia boleh. Chuba kita pandang, betul Undang² Islam membenarkan sa-saorang itu berumor tiga belas tahun, bila sudah baligh, anak perempuan dua belas tahun, dia sudah baligh. Ada-kah betul chukop akal sa-saorang itu berumor dua belas tahun, memileh satu² perkara saperti ugama dalam lain² bagi menetapkan hidup-nya sa-hingga dia mati. Umor dua belas tahun, kita fikir, lima belas tahun, empat belas tahun, chukop matang, chukop matured umor-nya. Saya perchaya, betul umor empat belas tahun kalau kahwin dapat anak, lima belas tahun, tetapi matang sa-saorang itu, di-situ kita pandang. Oleh sebab itu-lah dalam Perlembagaan ini ada menyatakan, kalau hendak menukarkan sa-suatu ugama hendak-lah lapan belas tahun atau lebeh. Umor lapan belas tahun ini nampak-nya bersetuju dengan chadangan Rang Undang² yang ada di-hadapan kita pada hari ini.

Saya tidak-lah hendak bersharah lagi dalam bab ugama dalam perkara ini, walau bagaimana pun saya telah menerangkan Ahli Yang Berhormat Tuan Haji tadi, itu-lah chara-nya. Pendek-nya kalau lapan belas tahun ka-atas, tidak payah tanya berkehendakan keizinan lagi. Kalau ada saudara kita yang bukan Islam yang anak-nya hendak masok umor empat belas tahun itu, lima belas tahun, yang sudah champor mithal-nya di-Kelantan, budak Melayu, kadang² ma'alum-lah di-kampong, sama suka pula antara berdua, berumor enam belas tahun. Pergi-lah jumpa ibu bapa dengan chara harmoni dan baik, pujok ibu bapa. Ini lagi bagus, lagi baik harmoni. Ini kalau Ah Meng kahwin dengan Abdullah, atau Mohamed, dia masok Islam, kalau ibu bapa izinkan-nya, kita pun jalankan, itu muhibbah betul—bagus, tetapi dengan chara jangan-lah berlawanan dengan Perlembagaan.

Saya menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh kapada kedua² Ahli Yang Berhormat dan sakalian Ahli Dewan ini yang menyokong satu Undang² yang bagini mustahak yang akan kita samakan bagi Sabah, Sarawak dan semua kaum dalam negeri ini, ia-itu pada lapan belas tahun apakala lulus Undang² ini, tiap² sa-saorang dalam negeri ini yang berumor lapan belas tahun ka-atas ia-lah sa-saorang yang dewasa. Terima kaseh.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 5 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² (PINDAAN) PEMEGANG AMANAH

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan ia-itu Rang Undang² bernama suatu Akta bagi meminda Ordinan Pemegang Amanah, 1949 di-bachakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Ordinan Pemegang Amanah, 1949 sa-orang Pemegang Amanah boleh melaborkan apa² wang amanah yang ada dalam tangan-nya saperti berikut:

(*a*) Dalam chagaran² Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sabah atau Kerajaan Negeri Sarawak atau Kerajaan Republik Singapura;

(*b*) Dalam chagaran² yang bunga-nya di-jamin atau akan di-jamin oleh Parlimen;

(*c*) Dalam hak² milek-nya yang tidak bergerak atau Ta' aleh dalam Persekutuan atau di-Republik Singapura;

(*d*) Dalam chagaran² bunga tetap yang di-keluarkan dalam Persekutuan dengan kelulusan Perbendaharaan oleh mana² pehak berkuasa awam yang di-tubohkan di-bawah Undang² Persekutuan atau Undang² Negeri; dan

(*e*) Dalam pinjaman² kapada sa-suatu sharikat yang di-luluskan.

Sharikat yang di-luluskan, di-ta'arifkan di-bawah Sekshen 3 Ordinan Pemegang Amanah sa-bagai suatu sharikat:

(*a*) Yang di-perbadankan di-Persekutuan atau jika di-perbadankan sa-belum daripada Hari Malaysia, sharikat yang di-perbadankan di-Sabah atau Sarawak yang telah di-perbadankan sa-demikian terus menerus bagi tempoh sa-kurang²-nya 7 tahun dan mempunyai tempat perniagaan di-Persekutuan;

(*b*) Sharikat yang mempunyai tujuan yang tunggal atau utama untok menggalakkan sa-saorang memileki rumah sendiri dengan memberi pinjaman wang untok membeli tanah dan mendirikan rumah dan pinjaman itu di-bayar balek sachara ansoran, ia-itu pokok dan bunga-nya sa-lama sa-suatu tempoh yang di-tetapkan dan banyak-nya pinjaman itu tidak lebeh daripada harga tanah dan rumah itu sa-bagaimana yang di-nilaikan oleh sa-orang penilai yang di-luluskan; dan

(*c*) Satu sharikat yang di-luluskan oleh Menteri Kewangan melalui pemberitahu dalam *Warta* Negeri bagi maksud menerima pinjaman dari Pemegang Amanah mengikut perenggan (*e*) sekshen 4.

Tuan Yang di-Pertua, ada-lah di-dapati perlu supaya ta'arif bagi sharikat yang di-luluskan, perkataan sharikat yang di-luluskan itu di-perluaskan lagi dengan memotong tempoh 7 tahun yang di-kehendaki bagi perkhidmatan sa-suatu sharikat Persekutuan, atau di-Sabah, atau di-Sarawak mengikut mana yang berkenaan. Ini ada-lah di-peruntokkan dalam Fasal 2.

Ada-lah juga di-dapati perlu supaya sekshen 4 (2) (*b*) di-pinda untok membolehkan peruntokan² di-buat berhubong dengan sa-suatu sharikat yang di-luluskan yang memperolehi asset dan tanggongan² bagi satu sharikat yang di-luluskan yang lain. Dengan pindaan saperti dalam Fasal 3, dividend atau untong yang di-bayar oleh sa-suatu sharikat yang di-luluskan dan yang asset-nya dan tanggongan-nya di-perolehi oleh sa-suatu sharikat yang di-luluskan yang lain akan di-kira sa-olah² dividend itu ia-lah dividend yang di-bayar oleh sharikat yang di-luluskan itu dan yang memperolehi asset dan tanggongan sharikat tersebut.

Izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, memberi sa-patah dua dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) The object of this Bill is this, Tuan Speaker, Sir, it is found necessary to widen further the definition of an "approved company" by deleting the requirement of 7 years incorporation of a company in the Federation or in Sabah or in Sarawak, as the case may be. This is provided in Clause 2. It is also necessary to amend Section 4 (2) (*b*) to make provision relating to an approved company which has acquired the assets and liabilities of another approved company. By the amendment as in Clause 3, the dividend paid by an approved company whose assets and liabilities are acquired by another approved company shall be treated as if it is the dividend paid by the approved company acquiring the assets and liabilities of such company.

There are a few big companies, Tuan Yang di-Pertua, which have acquired the assets of other companies registered in Malaya but

which have not been registered for 7 years. It is for the purpose of enabling the Government to invest trust money in such companies. That is the main purpose of this Bill.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*).

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² (PINDAAN) PENYEMAKAN UNDANG²

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan ia-itu suatu Rang Undang² yang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Penyemakan Undang², 1968 di-bachakan kali yang kedua sekarang. Tujuan Rang Undang² ini ia-lah untok mendapatkan kebenaran Parlimen terhadap pindaan² kapada Akta Penyemakan Undang² tahun 1968 yang di-buat oleh Ordinan Dharurat, ia-itu Penyemak Undang² (Pindaan) tahun 1970. Pindaan² itu telah di-adakan memandangkan kapada pengalaman yang telah di-perolehi semenjak Akta Ibu-nya di-luluskan. Pindaan² itu tidak ada kena-mengena dengan dharurat. Ia-nya ia-lah untok melichin dan memperchepatkan kerja menyemak undang². Rengkas-nya Rang Undang² itu mengadakan pindaan² yang berikut:

(1) Akta Ibu atau pun Principal Law menghendaki supaya satu undang² semakan mengandongi satu senarai pindaan yang di-buat oleh Pesurohjaya Penyemak Undang². Senarai itu mungkin menjadi terlalu banyak dan ini akan menambah belanja yang banyak untok penerbitan. Oleh kerana itu ia-nya tidak mempunyai kepentingan 'am, maka penerbitan-nya telah di-berhentikan. Senarai itu akan terus di-berikan kapada Jawatan-kuasa Penyemak Undang².

(2) Akta Ibu-nya itu menghendaki supaya perundangan kechil yang telah di-semak di-rujokkan kapada Jawatan-kuasa Penyemak Undang² untok di-pereksa. Perundangan kechil itu tidak berkehendakan layanan yang sama saperti undangan² ibu-nya dan rujokan kapada Jawatan-kuasa akan menyebabkan kelambatan yang tidak sa-patut-nya. Kehendak itu telah tidak di-perlukan lagi.

(3) Kuasa² Pesurohjaya berkenaan dengan chetakan sa-mula undang² telah di-selaraskan dengan kuasa² yang terkandong dalam Akta Chiptaan Sa-mula Undang² Persekutuan tahun 1965 yang telah di-mansokhkan.

(4) Pesurohjaya telah di-beri kuasa untok membetulkan kesilapan² tulisan perchetakan dan lain² kesilapan dalam undang² dan untok merengkas atau memudahkan kelengkapan mana² undang², ia akan membelanjakan, menjalankan kuasa² ini terta'alok kapada persetujuan Jawatan-kuasa Penyemak Undang². Pindaan² yang sekarang di-chadang untok di-masokkan dalam undang² yang kekal semua-nya telah di-buat oleh Ordinan 28 tahun 1970 dengan persetujuan Jawatan-Kuasa Penyemak Undang² yang terdiri daripada dua orang Hakim Besar dan lima (5) orang Hakim Kanan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, untok ma'aloman Ahli² Yang Berhormat sa-jumlah 18 undang² semakan dan chetakan sa-mula telah di-keluarkan semenjak Akta ibu-nya menjadi undang². Jumlah itu termasok-lah chetakan sa-mula Kanun Achara Jenayah, Ordinan Lalu-lintas Jalan dan naskhah saku atau naskhah kechil Perlembagaan, Perundangan Kechil Lalu-lintas Jalan akan di-keluarkan pada bila² masa sekarang sedang di-buat. Naskhah² semakan Akta Chukai Pendapatan dan juga Ordinan Keterangan akan keluar tidak berapa lama lagi sa-lepas ini. Saya chukup sedar tentang kekurangan naskhah undang² semakan dan chetakan sa-mula undang².

Maka mulai dari sekarang kedua²-nya ini di-jangka akan dapat di-terbitkan dengan lanchar dengan lulus-nya undang² ini.

Demikian-lah, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*).

Fasal 1 hingga 10 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² (PERUNTOKAN² KHAS) SAMAN DAN WARAN

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan ia-itu satu Rang Undang² bernama satu Akta bagi membuat peruntokan² bagi perkiraan berbalas²an berkenaan penyampaian saman, sapina dan waran² tertentu antara Malaysia dengan Singapura dan beberapa negeri lain di-bachakan kali yang kedua sekarang juga.

Dato' Yang di-Pertua, dengan sebab undang² ini naskhah-nya maseh lagi dalam bahasa Inggeris dan nampak payah sangat kalau hendak di-terangkan dalam Bahasa Kebangsaan untok pengertian, saya minta izin menerangkan kali ini dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Honourable Members are aware that the Warrants and Summonses (Special Provisions) Act, 1965 was enacted by Parliament to provide for more effective service of Magistrates' warrants and summonses throughout the component part of Malaysia then including Singapore. By virtue of section 7 of the Constitution (Singapore) (Amendment) Act, 1965, laws having effect in Singapore immediately before the separation would continue to have effect until repealed by the Singapore legislature. The Singapore Extradiction Act, 1968 repealed the Malaysian Warrants and Summonses (Special Provisions) Act, 1965. Thereafter there was a lacuna in the law with respect to the reciprocal services of summonses between Malaysia and Singapore. To remedy this the Summonses (Special Provisions) (Singapore) Act, 1969 was passed.

The Summonses (Special Provisions) (Singapore) Act, 1969 seeks to provide for more expeditious service of Magistrates summonses (not warrants) between Malaysia and Singapore. The word "summons" is defined to include any subpoena or other process for "requiring the attendance of a witness". This definition is not capable of being construed to include a warrant issued by a Court in Singapore in a case where a person accused of an offence committed in Singapore does not respond to a summons issued there. One way to look at this problem would be to read this Act together with Part III (relating to Singapore) of the Commonwealth Fugitive Criminals Act, 1967 and since the offence under Section 174 (not obeying a legal order to attend Court) of the Singapore Penal Code is a seizable offence, it would therefore, appear that any warrant so issued would fall to be dealt with under sub-section (1) of Section 10 of the Commonwealth Fugitive Criminals Act, 1967. Now, the Summonses (Special Provisions) (Singapore) Act, 1969 was intended to cover only the procedure relating to the endorsement and service of summonses and subpoenas issued by a Court in Singapore leaving the procedure relating to warrants, under certain circumstances, to be dealt with under the Commonwealth Fugitive Criminal Act, 1967. That Act of 1969 is, therefore, inadequate to cover the execution of warrants in cases where they do not fall to be dealt with under the provisions of the Commonwealth Fugitive Criminals Act, 1967. The forerunner of the 1969 Act was section 37A of the F.M.S. Criminal Procedure Code and Honourable Memebrs are probably aware that the provision of section 37A of the F.M.S. Criminal Procedure Code was probably enacted to provide for more active action against offenders under the Road Traffic laws in both Malaya and Singapore then.

Mr Speaker, Sir, the whole position is, therefore, not an ideal one and my Ministry had studied the possibility of replacing the Summonses (Special Provisions) (Singapore) Act, 1969 with a more comprehensive law for the execution of foreign summonses and subpoenas (including summonses and subpoenas issued in Singapore) and warrants which are not otherwise covered by the Commonwealth Fugitive Criminals Act, 1967. Sir, the Bill before the House seeks, *inter alia,* to replace the Summonses (Special Provisions) (Singapore) Act, 1969 with regard to the services in Malaysia of summons issued in Singapore. Since there is no law at present to cover reciprocal services and execution of summonses and subpoenas between Malaysia and other countries in the Commonwealth, this proposed law before us will also provide for the power of the Minister responsible for foreign affairs to extend the law to such other country or territory as he may specify if such country or territory has a law containing substantially similar provisions.

Sir, in so far as warrants are concerned, the proposed law should therefore be regarded as complementary to the Commonwealth Fugitive Criminals Act, 1967 for whereas the 1967 Act covers the execution of warrants issued in respect of an "accused" or a "convicted" person, the proposed law before us will provide for the service and execution of all summonses and subpoenas and also a certain category of warrants issued in Singapore which are not covered by the 1967 Act. Subsection (2) of section 10 of the 1967 Act will have to be repealed and a minor amendment will have to be inserted to section 10 excluding the application of that section to warrants issued in Singapore under section 53 of the Singapore Criminal Procedure Code (which is equivalent to section 47 of our F.M.S. Criminal Procedure Code and section 55 of our Straits Settlements Criminal Procedure Code).

After the passing of the proposed law the position of the Malaysian laws with respect to the service and execution of summonses and warrants will be as follows, that is to say:

(*a*) the Commonwealth Fugitive Criminals Act, 1967 (section 10) will apply in respect of

(i) warrants for all seizable offences irrespective of the period of punishment; and

(ii) warrants for all offences (seizable or non-seizable) punishable with six months imprisonment or more; and

(*b*) the proposed law will apply in respect of

(i) all summonses including subpoenas issued in respect of criminal proceedings issued in Singapore, or in such other foreign territory as may be declared under the law;

and Sir, lastly,

(ii) all warrants not otherwise dealt with under (*a*) including all warrants issued in lieu of or in addition to a summons under section 53 of the Singapore Criminal Procedure Code.

Sir, I beg to move.

Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Dato' Yang di-Pertua, suka saya mengambil bahagian dalam meluluskan Rang Undang² (Peruntokan² Khas) Saman dan Waran ini bertujuan untok memberi kesenangan kapada Kerajaan kita dan Kerajaan Singapura dan juga Kerajaan² Komanwel untok mengenai perjalanan dalam membasmikan pesalah² antara sa-buah negara dengan sa-buah negara yang lain. Perkara ini ada-lah perkara yang mustahak kerana kedudokan pesalah² ini mana² ada sahaja baik daripada negara kita atau pun negara² lain. Memang sa-sunggoh-nya kesulitan telah timbul berhubong dengan hal² berlainan keadaan di-sabuah negara² yang tersebut.

Dato' Yang di-Pertua, dalam perkara ini, saya ingin menyentoh tentang kedudokan Malaysia dan Singapura. Mahu tidak mahu Malaysia ada dan menjadi sa-buah negara yang berdaulat dan Singapura ada-lah menjadi sa-buah negara yang berdaulat dan kedudokan antara Malaysia dengan Singapura ada-lah sa-buah negara yang paling berdekatan. Saya tidak menyentoh lebeh lanjut berhubong dengan negara² lain Komanwel dan negara lain lebeh jauh daripada Singapura.

Dato' Yang di-Pertua, dengan ada-nya Undang² ini, maka kesulitan² mungkin akan

di-atasi sadikit demi sadikit dengan sharat kerjasama yang sunggoh² dapat di-laksanakan oleh dua Kerajaan ini, ia-itu Kerajaan di-Malaysia dan Kerajaan Singapura.

Dato' Yang di-Pertua, saya fikir Rang Undang² ini di-bawa ada-lah dengan tujuan yang baik dan dengan tujuan yang suchi murni untok menyelesaikan masaalah kita.

Dato' Yang di-Pertua, kedudokan di-Singapura dan Malaysia ini selalu ada sadikit kekeliruan, kerana kebanyakan apa yang kita buat dengan Singapura ada-lah di-atas asas untok perpaduan sa-bagai sa-buah negara jiran dengan jiran yang lain. Jadi hal yang demikian itu-lah yang menyebabkan kita mengadakan satu Undang², kita mengadakan satu perjanjian dan kita mengadakan sa-suatu yang di-anggap penting bagi dua belah pehak ini. Sa-bagaimana yang kita tahu bahawa kita pernah mengadakan sharikat bersama dalam penerbangan ia-itu mengadakan Sharikat Penerbangan sa-chara berkongsi antara Malaysia dengan Singapura dengan asas dan tujuan ia-lah untok kita bersatu di-antara dua negara yang berjiran ini. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, banyak kesulitan² yang timbul ketika menjalankan usaha itu dan akhir-nya dengan sa-chara tolak ansor, maka pehak kita dan pehak Singapura membuat satu keputusan ia-itu lebeh baik kita bercherai-lah dalam bidang Sharikat Penerbangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara hal penyampaian saman dan waran ini, kita mahu kita meminta Kerajaan Singapura memandang dan memberi kerjasama yang erat kapada Kerajaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kita bimbang kiranya ada orang² yang pehak Kerajaan Singapura bersimpati dengan orang yang tersebut yang melakukan kesalahan di-Malaysia ini dan melarikan diri di-Singapura dan pehak Kerajaan Malaysia menghantarkan saman ka-Singapura, atau pun waran ka-Singapura melaluï mahkamah², tetapi penyelenggaraan-nya tidak di-jalankan dengan bagitu baik. Jadi kalau kejadian saperti ini maka boleh jadi merumitkan perjalanan kita. Ma'alum-lah, Tuan Yang di-Pertua, dalam Malaysia kita ini ada orang yang di-sukaï oleh Singapura dan orang yang tidak di-sukaï oleh Singapura mungkin demikian. Jadi pada saya mengharapkan sa-benar-nya kerjasama yang rapat dengan sunggoh² antara kedua buah Kerajaan ini khas-nya dia Kerajaan² lain ia-itu Kerajaan Komanwel. Sekian-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan V. Veerappan (Seberang Selatan): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, we are making a provision here for enforcing summonses and subpoenas that issue from Singapore. But, I would like to have a clarification from the Attorney-General whether Singapore has already made similar provisions; if not, has Singapore given any intimation that it will do so, so that our Government will have the same facilities as that we accord to Singapore. Thank you.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, Ahli² Yang Berhormat saya menguchapkan terima kaseh-lah atas uchapan menyokongkan perkara ini, sememang-lah sunggoh pun ada perkara² yang kita ada pertelingkahan dengan Singapura dan ada juga banyak perkara yang kita patut dan mesti bekerjasama mithal-nya pertahanan dan lain² dengan Singapura. Ini satu daripada perkara² saperti bagaimana berkenaan dengan jenayah, perbicharaan, saman waran antara satu negeri, Singapura dengan Malaysia ini ada-lah kerjasama yang rapat antara Singapura dengan Malaysia demi bagi kepentingan kedua² negara, kepentingan dalam serba-serbi—sama ada dalam perkara perbicharaan jenayah atau perbicharaan sivil. Sebab sunggoh pun kedua negeri ini berlainan memandang rapat-nya antara Singapura dengan Malaysia dan perhubongan dalam perdagangan, perjalanan satu tempat ka-satu tempat terutama ada dalam kes jenayah, atau kes sivil sememang terang dan nyata boleh-lah di-katakan macham juga pertahanan tadi, memang tidak boleh di-pisahkan. Jadi dengan sebab itu-lah kedua² telah berunding dan bekerjasama dan ini-lah ia-lah Undang² untok menunaikan kerjasama antara kita dengan Kerajaan Singapura.

Bagi menjawab kapada Ahli Yang Berhormat dari Seberang Selatan, betul, Kerajaan Singapura telah pun sedia Undang² berkenaan dengan Saman dan Waran dalam serba-serbi untok di-hantarkan dan di-jalankan ka-negeri kita, tetapi kita Undang² kita yang ada hari ini kurang sadikit dan tidak sama dengan negeri itu. Dengan ada-nya pindaan Undang² kita buat hari ini. kita akan menjadikan Undang² itu dengan Singapura sama dan reciprocal arrangement had been made. Terima kaseh.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 10 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² BANTUAN GUAMAN

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan ia-itu Rang Undang² Akta Bantuan Guaman, 1971 di-bachakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bulan April, 1963, Jema'ah Menteri telah memberi kuasa kapada Menteri Ke'adilan pada masa itu untok melantek satu jawatan-kuasa pegawai² bagi menyiasat berkenaan dengan perkara perlu-nya menubohkan Perkhidmatan Bantuan Guaman Malaysia Barat dan juga berkenaan dengan masaalah² Bantuan Guaman mengikut keadaan tempatan dan pengalaman yang telah di-perolehi oleh Perkhidmatan Bantuan Guaman di-Singapura. Kemudian-nya jawatan-kuasa itu telah menyampaikan satu laporan kapada Jema'ah Menteri dan mengshorkan supaya satu undang² dan peratoran di-buat mengikut Ordinan Nasihat Bantuan Guaman Negeri Singapura dengan perubahan² dan pindaan² yang sesuai memandang kapada hal keadaan yang ada di-negeri kita Malaysia ini.

Yang kedua-nya, mengshorkan supaya pada mula²-nya satu ranchangan pandu (pilot scheme) di-adakan bagi melaksanakan Perkhidmatan Penasihat dan Bantuan Guaman bagi maksud² yang berikut:

(1) Bantuan Guaman perchuma untok orang² yang tidak mampu dalam kes² nafkah² dan perjagaan anak. Pampasan akibat dari kemalangan dan penyewaan;

(2) Kes² probate dan pentadbiran harta pesaka dan amanah yang akan di-arahkan kapada Pemegang Amanah Raya dan akhir-nya hal² lain dalam mana mereka boleh meminta nasihat berkenaan dengan undang²;

(3) Shor yang ketiga ia-lah supaya ranchangan pandu itu di-tadbirkan oleh satu Jabatan Bantuan Guaman yang akan di-tubohkan dalam Jabatan Peguam Negara di-bawah jagaan sa-orang Pengarah Bantuan Guaman yang bertanggong-jawab kapada Peguam Negara;

(4) Shor lagi satu supaya satu levy atau di-kenakan kewangan mengikut kira peratus yang di-tetapkan oleh undang² ka-atas pampasan yang di-terima oleh pehak² menuntut yang di-bantu dan wang yang di-dapati dengan chara levy atau potongan itu di-masokkan ka-dalam Kumpulan Wang Bantuan Guaman yang akan di-tubohkan kelak. Akhir-nya supaya satu Jawatan-kuasa Bantuan Guaman di-lantek oleh masa itu Kementerian Ke'adilan, sekarang ia-lah Jabatan Peguam Negara.

Sayugia di-ingati, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Perkhidmatan Penasihat dan Bantuan Guaman yang di-chadangkan itu adalah tambahan dan melengkapkan Bantuan² Guaman yang telah sedia ada di-negeri kita sa-lama ini. Saperti di-dalam perkara² jenayah yang melibatkan hukum bunoh yang mana kalau di-dapati salah di-hukum gantong, maka mahkamah boleh menyediakan Bantuan Guaman bagi orang yang kena tudoh itu dengan bayaran Kerajaan.

Bantuan terhad kapada penjawat² Kerajaan yang terlibat dalam perbicharaan yang timbul dari menjalankan kewajipan² jawatan-nya ia-itu pendek kata kalau ada ahli² pentadbiran atau kakitangan Kerajaan yang terlibat dengan sebab timbul dari menjalankan kerja-nya ada juga bantuan kewangan daripada guaman daripada Kerajaan dan (*c*) peruntokan di-mana sa-orang miskin boleh menda'awa dalam guaman sivil sa-bagai orang yang tidak mampu atau paupers.

Ordinan 39 Tahun 1970 telah di-ishtiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong menurut Kuasa² Dharurat bagi menubohkan satu Biro Bantuan Guaman dan juga bagi membuat peruntokan² berhubong dengan hal memberi Bantuan Guaman pada orang² tertentu yang memerlukan-nya. Sa-bagai satu

ranchangan pandu atau pilot peruntokan² Ordinan itu telah berjalan kuat-kuasa hanya dalam Negeri Selangor dan berkenaan dengan perkara² nafkah dan nasihat sa-chara lisan mengenaï Akta Penanam Padi (Mengawal Sewa dan Menjamin Pemegangan), 1967. Ini ada-lah perlu oleh kerana kekurangan personnel dan juga pegawai² yang berpengalaman dalam lapangan perkhidmatan sosial yang baharu ini.

Pentadbiran undang² ini di-laksanakan oleh Pengarah Bantuan Peguam sekarang ini yang di-lantek dari antara Ahli Perkhidmatan Kehakiman dan Undang² dan ia ada-lah di-bawah penyeliaan terus kapada Peguam Negara, dan Peguam Negara boleh juga melantek orang² dengan apa² nama jawatan yang di-fikirkan-nya patut untok membantu Pengarah dan melaksanakan tugas²-nya.

Ordinan itu juga membuat peruntokan bagi menubohkan Lembaga Bantuan Guaman dan Majlis Bantuan Guaman. Ahli²-nya ada-lah juga di-lantek oleh Peguam Negara. Tempoh jawatan Ahli² Lembaga dan Majlis ada-lah saperti di-nyatakan dalam Jadual Pertama Rang Undang² ini.

Tugas Lembaga ia-lah membantu Pengarah dan tugas Majlis ia-lah memberi nasihat kapada Peguam Negara sa-chara 'am berkenaan dengan pentadbiran Ordinan itu.

Huraian mengenaï beberapa peruntokan penting dalam Rang Undang² itu boleh-lah Ahli² Yang Berhormat dapati dalam Bahagian Huraian dalam Rang Undang² itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Azahari bin Mohd. Taib (Sungei Patani): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang² Akta Bantuan Guaman, 1971. Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarek perhatian di-dalam ayat yang di-tulis dalam Huraian muka 25: "Sa-bagai suatu ranchangan pandu, peruntokan² Ordinan itu telah berjalan kuat-kuasa hanya dalam negeri Selangor dan berkenaan dengan perkara² nafkah dan nasihat sa-chara lisan mengenaï Akta Penanam Padi (Mengawal Sewa dan Menjamin Pemegangan), 1967. Ini ada-lah perlu kerana kekurangan personnel dan juga pegawai² yang berpengalaman dalam lapangan perkhidmatan sosial yang baharu ini."

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak menegaskan dalam Dewan ini ia-lah meminta supaya Kementerian yang berkenaan memperkembangkan Perkhidmatan Bantuan Guaman ini sa-berapa chepat atau sa-berapa luas yang boleh. Saya suka menarek perhatian berkenaan dengan Undang² Akta Penanam Padi. Di-Kedah mithal-nya dalam kawasan Perayeran Muda ia-itu di-mana 260,000 ekar terlibat dalam perayeran itu. Ini tidak termasok lagi 50,000 ekar lagi dalam Perayeran Pekula, 42% daripada petani² yang mengerjakan sawah di-Perayeran Muda ia-lah orang yang menyewa tanah. 44% ia-lah tanah sendiri dan 14 lagi champor²; ada yang hak-nya sendiri, ada-nya satengah sewa. Oleh sebab perkembangan Perayeran Muda itu bagitu pesat, ia-itu sa-sudah dengan kesedaran petani² di-situ dan dorongan daripada Kerajaan sendiri, maka perkembangan hasil daripada perayeran itu sangat pesat dan chepat dengan itu-lah tuan² punya tanah telah mengambil kesempatan menyeleweng Undang² Akta Penanam Padi Penyewa Padi tadi.

Tuan Yang di-Pertua, penyelewengan berkenaan dengan Undang² Penyewa Mengawal Sewa dan Menjamin Pemegangan Padi itu berlaku sewenang²-nya sekarang terutama dalam negeri Kedah dan di-Perlis Selatan. Malang-nya penanam² padi oleh sebab kekurangan pengetahuan, kesusahan, keadaan masharakat mereka, chara berfikir-nya, mereka ini tidak dapat buat apa². Dengan sebab itu-lah saya berharap sa-kali supaya keutamaan harus di-beri bila perkembangan guaman ini di-lanjutkan kelak ka-negeri Kedah, terutama dalam kawasan Perayeran Muda. Kalau sa-kira-nya perkhidmatan ini tidak dapat di-jalankan sa-chara luas dalam perengkat permulaan, saya rasa, patut-lah Perkhidmatan Bantuan Guaman ini mengadakan satu kempen penjelasan, penerangan, selok-belok Akta Penyewa Padi kapada penanam² padi di-kawasan Perayeran Muda. Kalau keadaan penyelewengan ini di-biarkan dengan tidak di-champor tangan oleh Perkhidmatan Guaman ini saya rasa cost of production, ia-itu masaalah perbelanjaan yang di-bayar kapada penanam² padi kapada tuan² punya tanah itu akan tinggi dan sabahagian-nya pula terlepas daripada hak² yang patut penanam padi itu mendapat-nya, dan ini saya rasa tentu-lah berchanggah, bertentangan sa-kali dengan tujuan Kerajaan

menumpukan tenaga dan wang ringgit bagi memajukan kehidupan petani² di-Perayeran Muda.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar saperti mana yang di-terangkan oleh Peguam Negara tadi, ia-itu perkhidmatan ini bagi peringkat yang pertama ia-lah di-sebabkan oleh kekurangan personel dan pegawai terpaksa di-jalankan sa-bagai ranchangan pandu ia-itu pilot scheme. Saya rasa sudah-lah sampai masa-nya harus Kerajaan menumpukan perhatian supaya perkembangan Perkhidmatan Guaman ini di-salaraskan dengan perkembangan kehendak² penanam² padi di-utara Malaya. Terima kaseh.

Tuan Abu Bakar bin Umar (Kubang Pasu Barat): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untok menyokong Rang Undang² Akta Bantuan Guaman, 1971 ini. Tuan Yang di-Pertua, dalam sokongan saya untok Rang Undang² ini, saya memberikan kepujian kapada Kerajaan sekarang ini yang telah mula memikirkan dan telah mula memasokkan di-dalam menjadikan negara kita ini satu negara yang berma'ana Welfare State-negara memberikan kebajikan kapada seluroh ra'ayat.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Undang² ini amat-lah perlu dan penting-nya dan saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Patani supaya bantuan guaman ini di-perchepat, atau pun di-hebahkan kapada seluroh atau pun di-jalankan ka-selurohan negara kita ini khas-nya bagi negeri yang saya datang ia-lah negeri Kedah.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana banyak sangat-lah petani² yang miskin yang telah menerima penderitaan dan penganiayaan daripada pehak² yang tertentu dengan tidak ada wang dan tidak ada kuasa mengambil peguam, maka orang² itu teraniaya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya apa yang saya menekankan di-dalam soal ini, jikalau undang² ini di-jalankan di-dalam negeri Kedah, pelaksanaan-nya mesti-lah di-laknasakan dengan adil. Apa yang saya bimbang, Tuan Yang di-Pertua, pertarongan politik di-antara parti saya dengan parti Ahli Yang Berhormat dari Sungai Patani sedang kuat, atau pun sedang berunton² di-negeri Kedah. Apa yang saya takut, pengikut² saya, atau pengikut² PAS akan menjadi mangsa di-dalam Bantuan Guaman ini dan saya berharap-lah di-samping melaksanakan tujuan² Bantuan Guaman, keadilan mesti-lah di-sama ratakan, atau pun keadilan mesti-lah di-jalankan oleh pehak yang berkenaan. Sekian.

Tuan V. Veerappan (Seberang Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon berchakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, I rise to support this Bill and welcome the provision of legal aid. It is said that equality in justice is the primary condition for attaining justice. In this country, even today although we have a very elaborate system of courts, and we also have a very efficient system of prosecuting alleged criminals, yet justice can be said to be available only to those who can afford. In other words, only those who are rich can fight for their freedom and attain their liberty if prosecuted, or pursue their rights in the courts against those who are not in the same position to employ skilful or perhaps very expensive lawyers. Therefore, this provision is most welcome. It may be a very small step, but I think it is a very important step that has been taken in the right direction. Nevertheless, Mr Speaker, Sir, I would like to say that this merely scratches the surface. Clause 10 provides that criminal proceedings in connection with legal aid may be given or any proceedings of the description specified in the Second Schedule. But the Second Schedule is nil. There is nothing in the Second Schedule on page 22 Mr Speaker, Sir. Therefore, although there is provision, there is nothing, no legal aid can be obtained even with the passing of this Bill in cases where a person is charged for offences under the criminal law. Although the Attorney-General himself may, see to it as he is the one who orders the prosecution yet in almost 90% of 99% of the cases it is not even done by the DPPs, it is done by ordinary police personnel and therefore this provision would be very necessary. Also, there are cases where the Police do not take action, people can go before the magistrates and obtain summonses to prosecute people, and the same consequences apply.

The other thing is that in the matter of civil cases there is a provision to pursue a person's right. It is confined only to three description of civil proceedings—the Third Schedule says proceedings under the Married Women and Children (Maintenance) Ordinance, proceedings under the Maintenance Orders (Facilities for Enforcement) Ordinance, 1949, and proceedings under the

Married Women and Children (Enforcement of Maintenance) Act, 1969—all this is for maintenance. I agree this is more essential. We must give assistance for women and children to obtain maintenance from defaulting husbands, at the same time, I am sure, there are much more matters than that for which people need legal aid.

The Fourth Schedule here provides for legal aid in respect of rights and liabilities under the Padi Cultivators (Control of Rent and Security of Tenure) Act, 1967. This should be so. I do agree that many landlords have not been very fair with their tenants and have evicted them and therefore this provision to give legal aid is a good thing and a very welcome thing. I would like to appeal to the Attorney-General to also consider and bringing other matters under this law as he is given the power under this law to amend or vary these Schedules, I believe. For example, following the protection or aid that would be given to padi cultivators, I think protection should also be given to people who are under the Rent Control Ordinance in cases of wrongful eviction. People who have got merely a shelter are sometimes evicted wrongfully and they cannot seek assistance and they cannot get a lawyer, because they do not have the means, they are so poor, and this is a very great hardship and I hope that the Attorney-General will see that such cases are given assistance.

The other one I think is similar to those mentioned by the Member for Sungei Patani, that is actions by moneylenders. It is the poor who become the victims of moneylenders and they are harassed and very often they could get off if there is aid and this is essential. But the other big group of cases is that involving workmen, like claims under the Workmen's Compensation Act which might have to be pursued in the High Court and most people for want of money give up even in accident cases—claims arising from accidents and even claims under the Labour Laws. Although there is an Industrial Court, I do not think that the worker who is not a member of a union can go to the Industrial Court. So, in these cases, I hope the Attorney-General will do his best to bring protection to these categories of people. Thank you.

Tuan Haji Ahmad bin Said (Seberang Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untok menyokong dan mengalu²kan Akta Bantuan Guaman ini dan saya mengambil peluang menguchapkan sa-tinggi² tahniah kapada Peguam Negara yang telah pun membentang Akta ini kerana saya ada-lah sa-orang daripada pehak penyokong Kerajaan yang telah menggesa supaya di-adakan Biro Bantuan Guaman ini beberapa lama dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, Biro ini ada-lah satu jabatan yang akan berusaha untok hendak menegakkan keadilan bagi ra'ayat yang tidak berada. Ini ada-lah satu langkah yang bijak dari pehak Kerajaan menunjokkan bahawa pehak Kerajaan sangat bertimbang rasa kapada pehak yang tidak berada ini. Bagaimana yang kita sedia ma'alom ada beberapa kes yang di-hadapkan ka-mahkamah oleh kerana sa-orang yang di-tudoh itu tidak ada kemampuan atau tidak berada, maka pehak yang mengadu-nya pula ada wang untok mengadakan sa-orang peguam maka pehak yang tidak berada ini kadang²-nya teraniaya. Ini ada-lah satu langkah yang chukup bijak dan saya berharap supaya kuatkuasa-nya sa-bagai ranchangan panduan itu di-luluskan dengan sa-berapa luas yang boleh dan dengan sa-chepat mungkin.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya sangat-lah tertarek hati dan mengalu²kan mengenai langkahan yang hendak memberi nasehat dan pertolongan untok melaksanakan Akta Penanaman Padi, (Pengawalan Sewa dan Menjamin Pemegangan) Tahun 1967. Akta itu sudah pun di-luluskan tahun 1967 sa-hingga hari ini tidak berjalan dengan sa-kehendak hati kerana saya tahu di-Pulau Pinang chuma ada sa-orang sahaja pegawai di-tempatkan di-Bukit Mertajam untok menguruskan perlaksanaan Akta ini. Pegawai yang berkenaan tidak boleh berbuat apa² sebab kuasa-nya terhad. Jadi saya berharap-lah pehak Biro ini akan menolong dan menambahkan pegawai, jika perlu, untok menguatkuasakan Akta Penanam Padi dan Pengawalan Sewa dan menjamin pemegang ini, kerana pehak penyewa² tanah sawah kerap kali-nya terkorban dan menjadi mangsa kapada tuan punya tanah. Jikalau kita teliti dengan halusi chara² yang di-buat sekarang ini sa-orang penyewa tanah terpaksa membayar dahulu wang untok sewa tanah antara $200 kapada $250 sa-ekar. Dan sa-kira-nya pehak penyewa itu tidak bayar, tanah itu di-rampas dan di-beri kapada orang lain. Mengikut Akta Sewa Tanah itu padi musim di-kenakan 160 gantang dan luar musim 1/3 sahaja. Tetapi yang di-kenakan

oleh tuan punya ini sa-hingga $200 kapada $250. Ini ada-lah satu perbuatan yang sangat teraniaya terhadap penyewa sawah di-seluroh kawasan dalam Malaysia ini khas-nya di-Pulau Pinang

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana kita sedia maalom, peladang² ada-lah gulongan yang berpendapatan kechil sa-kali jika di-bandingkan dengan gulongan² yang lain. Oleh itu saya berharap pehak Biro ini akan memandang lebeh berat dan mengambil perhatian yang lebeh berat terhadap gulongan ini mudahan² nasib mereka itu terjamin dan pendapatan mereka itu akan bertambah.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tarek perhatian Yang Berhormat Peguam Negara mengenaï beberapa kemalangan jalan raya yang telah pun terjadi di-dalam Malaysia ini. Ada di-antara orang² yang faham mengenaï Undang² dapat-lah mereka itu meminta tolong atau bantuan daripada peguam untok hendak menuntut daripada pehak insuran di-atas hak-nya atas kemalangan sa-saorang yang mati kerana di-langgar oleh motokar mithal-nya, atau pun chedera parah yang di-langgar motokar. Jadi kebanyakan daripada orang² kampong tidak faham bahawa sa-kira-nya sa-saorang itu di-da'awa di-mahkamah dia ada mempunyaï hak untok menuntut daripada insuran. Jadi saya berharap pehak Peguam Negara, jikalau boleh, tolong-lah masokkan satu daripada perkara, ia-lah Bantuan Guaman terhadap orang² yang mendapat kemalangan jalan raya. Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Bibi Aishah binti Hamid Don (Kulim Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Akta Bantuan Guaman, ia-itu saya rasa ini-lah satu langkah yang bijak daripada pehak Kerajaan kita yang telah mengemukakan satu Akta yang mana dapat memberi bantuan² daripada chara keadilan sa-laras dengan dasar kita hendak memberi bantuan kapada sa-tiap pendudok dalam negeri ini. Chita² Kerajaan kita ia-lah memberi kemudahan kapada orang² yang pendapatan-nya rendah dan tidak mampu hendak mendapat sa-barang pengaduan yang bersangkutan dengan hal² yang bersangkut dengan sivil dan jenayah.

Dalam perlaksanaan-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu²kan ia-itu satu co-ordination telah dapat di-jalankan, ia-itu daripada pehak Pembela dan juga bagi pehak Pengarah Kebajikan dapat menyalorkan khidmat²-nya menyelidek dan memberi sokongan kapada pemohon² dengan mempunyaï dasar² yang sesuai dengan kemampuan pemohon² itu. Dalam perkara melaksanakan pilot scheme ini, apa yang saya rasa patut-lah juga Lembaga Bantuan Guaman ini menghulorkan jasa baik-nya dan khidmat²-nya di-peringkat negeri² juga. Apa yang saya maksudkan negeri² ia-lah supaya tujuan hendak membantu orang² yang susah agar jangan jadi lebeh susah lagi dan saya rasa orang yang susah bukan hanya tinggal di-Ibu Kota bahkan di-peringkat² negeri dan desa² juga. Satu perkara yang saya minta penjelasan dari Akta Bantuan Guaman ini kapada Peguam Negara kita, ada-kah perkara² yang bersangkut dengan kes² Mahkamah Shari'ah mendapat perhatian dan tindakan oleh Lembaga Bantuan Guaman ini kerana banyak perkara² ini bersangkutan dengan soal² nafkah perempuan² bersuami dan kanak², tetapi saya tidak nampak sadikit pun sa-telah saya bacha berulangkali di-dalam Akta Bantuan Guaman ini, tidak sadikit pun menyebutkan ia-itu bagi pehak orang² Islam akan juga mendapat perlindongan dalam Akta ini.

Satu perkara lagi yang saya minta penjelasan ia-lah, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Sekshen 25 (*a*), katakan-lah mithal-nya sa-orang yang terkena accident sa-bagaimana yang di-suarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara, ia-itu katakan-lah ia mendapat, kita kata mendapat, bayaran kerana chachat atau pun sa-bagai-nya, katakan-lah anggaran itu dalam $5,000, bantuan yang di-beri tetapi kerana mengikut Sekshen 25 (*a*) ia-itu Pechahan 4 (*b*), kalau tidak salah saya, di-sini wang yang terpaksa di-bayar balek kapada Lembaga Bantuan Guaman ini ia-lah suku daripada jumlah yang di-dapati, tetapi ada pula pechahan yang kechil ia-itu mengatakan selesai-nya ta' lebeh dari $500. Jadi, ini ada-lah satu bayaran yang sunggoh tinggi. Kalau-lah kita hendak kata kita akan memberi bantuan yang rendah, tetapi kalau ikut sekshen ini, kita akan mengenakan pula satu bayaran yang paling tinggi kalau-lah di-bandingkan dengan ada berlaku kemalangan² jalan raya dan sa-bagai-nya. Jadi, dalam perkara² macham ini, saya minta, kalau boleh, mendapat penjelasan yang sesuai. Kemudian ada lagi satu perkara yang saya jumpa di-dalam Sekshen 21, Pechahan 3 (*a*) di-dalam hal menchatetkan dan menfailkan pengakuan ia-itu tiada di-kenakan bayaran

atau pun penyampaian process kapada Shariff. Ada-kah negara ini telah memakai sistem Shariff atau sa-bagai-nya? Jadi, ini-lah perkara kechil yang saya kurang faham, tetapi dalam hal² yang lain, saya rasa di-dalam sekshen kerana hendak memberi bantuan kapada penanam² padi ini ada-lah sangat sesuai-nya sa-bagaimana yang saya kata pada mula tadi, patut kita mengeluarkan jasa baik Lembaga Bantuan Guaman ini ka-peringkat² negeri. Sekian sahaja, terima kaseh.

Tuan Hussein bin Haji Sulaiman (Besut): Dato' Yang di-Pertua, saya bangun mengalu²kan di-atas keberanian Kerajaan mengemukakan Rang Undang² yang di-namakan Akta Bantuan Guaman, 1971 ini, kerana sa-panjang yang saya bacha dari Undang² ini nyata-lah kapada kita sekarang ini bahawa Kerajaan Perikatan yang ada sekarang chuba hendak menjadikan negara ini sa-buah negara yang berkebajikan.

Dato' Yang di-Pertua, walau pun saya sokong dan mengalu²kan di-atas Rang Undang² ini, tetapi saya amat sedeh sa-kali apabila mendengar penerangan yang di-berikan oleh Peguam Negara, bahawa sa-bagai suatu perchubaan atau pun permulaan maka ranchangan ini di-jalankan di-negeri Selangor sahaja dahulu kerana memandangkan kekurangan Pegawai yang berpengalaman.

Jadi, Dato' Yang di-Pertua, perkara yang saperti ini pernah kita dengar di-beri oleh mana² pehak kira-nya kurang pegawai² yang berpengalaman maka perchubaan-nya di-buat di-Selangor. Erti-nya kalau keadaan saperti ini, Dato' Yang di-Pertua, sa-olah² ternampak kapada kita bahawa di-negeri Selangor ini-lah sa-buah negeri yang ra'ayat-nya miskin sa-kali dalam Malaysia ini. Dato' Yang di-Pertua, oleh kerana matalamat yang di-tuju dengan Rang Undang² ini ia-lah untok orang² miskin yang tidak mampu, bagitu-lah huraian yang telah di-berikan oleh Peguam Negara maka saya terpaksa mengkaji dan saya meminta kapada Peguam Negara pun mengkaji gulongan mana-kah dalam Malaysia kita ini paling menderita dan paling miskin dan gulongan mana-kah sejak kita merdeka sa-lama tiga belas tahun, kurang di-beri perhatian oleh Kerajaan kita.

Dalam kajian saya, Dato' Yang di-Pertua, ia-lah gulongan kaum nelayan, kerana dalam banyak² ranchangan yang kita beri kapada ra'ayat negeri ini nampak-nya ra'ayat yang terdiri daripada kaum nelayan ketinggalan sa-kali. Tempat yang ramai sa-kali kaum nelayan, Dato' Yang di-Pertua, ia-lah di-Pantai Timor. Jadi, dengan sebab itu sa-chara bertimbang rasa kapada Peguam Negara yang mengatakan sekarang ini kekurangan pegawai maka kita chubakan dahulu di-Selangor. Apa yang saya harapkan sa-bagai anak tangga yang kedua atau pun sa-bagai peringkat yang pertama sa-sudah ada-nya pegawai, saya merayu chuba-lah buka pula di-Pantai Timor, sama ada di-Trengganu, di-Kelantan atau Pahang, tetapi sa-baik²-nya di-Trengganu-lah, sa-imbang negeri itu di-tengah² antara Pahang dengan Kelantan.

Dato' Yang di-Pertua, ada satu perkara lagi yang saya suka terangkan di-sini. Tadi saya telah sebutkan masaalah nelayan. Mengikut apa yang telah di-uchapkan oleh sahabat² saya yang lain tadi, banyak mencheritakan soal kemalangan di-jalan raya. Saya telah menyebutkan masaalah nasib kaum nelayan kerana sa-panjang yang saya ketahui di-sa'at yang akhir ini oleh kerana kemajuan moden kita ini, kaum nelayan telah mula menggunakan bot² yang berenjen maka banyak benar kemalangan² di-lautan dan apa yang saya tahu kemalangan² di-laut ini, kata orang-nya mati sahaja kerana kebanyakan yang ada sekarang ini, entah apa sebab-nya saya pun tidak faham juga, Dato' Yang di-Pertua, boleh di-katakan hampir ka-semua motobot yang menjalankan perusahaan di-tengah² laut ini tidak mempunyai insuran. Jadi orang yang miskin bekerja sa-bagai nelayan, tiba² mereka mendapat kemalangan di-tengah² laut. Kebanyakan-nya hanya-lah menunggu mayat balek sahaja. Kalau dapat mayat, di-simpan dan di-kebumikan. Lepas itu habis cherita. Sa-takat yang saya tahu belum pernah lagi orang² yang mendapat kemalangan di-laut ini dapat di-tuntut dengan insurance.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara lagi saya amat tertarek, sekshen 3 (2) ia-itu mengatakan pengarah hendak-lah di-bantu oleh sa-orang atau beberapa orang lain sa-bagaimana di-lantek oleh Peguam Negara. Saya, kalau tidak silap apa yang saya dengar dari penerangan yang di-beri oleh Peguam Negara tadi bahawa antara perkara² penting yang di-tujukan dengan Rang Undang² ini, ia-lah hendak memberi peluang kapada orang² mengadu mengenai dengan bantuan nafkah. Kalau di-sebut masaalah bantuan nafkah, Tuan Yang di-Pertua, terbayang-lah jenis orang yang akan mengadu itu ia-lah

kaum ibu. Dengan sebab itu, saya merayu kapada Peguam Negara dalam melantek sa-orang atau beberapa orang sa-bagai pembantu kapada Pengarah nanti sudi-lah lantek daripada kaum ibu supaya kaum ibu senang membuat perhubongan dengan Bantuan Guaman ini, sebab sa-bagaimana yang kita tahu kaum ibu ini amat-lah sulit sa-kali menghadapi masaalah² mereka lebeh² lagi kalau aduan itu hendak di-buat kapada orang yang bukan sa-jenis dengan-nya. Jadi, saya berpendapat oleh kerana dalam Malaysia ini gulongan kaum ibu mengatasi bilangan kaum laki², maka keutamaan perlu di-beri kapada kaum ibu dalam masaalah ini. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Oleh kerana dengan ada-nya undang² ini, maka si-miskin dapat pembelaan. Sa-lama 14 tahun kita telah merdeka, 14 tahun lama-nya yang si-miskin ini ta' dapat pembelaan² di-atas nasib² mereka. Dengan sebab itu, dengan ada-nya Bantuan Guaman ini muga² dapat-lah mereka² ini mengadu, jikalau mereka ini dapat sa-suatu perkara terhadap diri mereka.

Satu perkara yang penting, ia-lah di-negeri kita ini banyak lintah² darat ia-itu chetiar², pakbai² meminjamkan duit terutama sa-kali kapada orang² kampong yang miskin dan juga orang² bandar yang miskin tadi. Sebab orang miskin-lah yang selalu meminjam duit ini, orang kaya pun ada meminjam duit, tetapi di-bank². Tetapi si-miskin ini dapat daripada cheti² ini dan juga dari Benggali², bukan semua Benggali, tidak. Jadi bunga-nya itu memang satu bulan di-kenakan 2½%, dalam undang² itu 2½% kalau saya tidak silap, tetapi IOU-nya di-tulis kalau pinjam $500 dia tulis $1,500 sain IOU. Dengan sebab itu terpaksa-lah di-bayar $1,500 tadi, kalau silap² $1,500 terpaksa di-bayar. Bagaimana keadaan si-miskin ini ta' dapat pembelaan dari siapa. Jadi saya berharap dengan ada-nya Bantuan Guaman ini, maka dapat-lah mereka bantuan guaman di-pehak² yang bertanggong-jawab tadi supaya pembelaan dapat di-buat, kalau tidak, sa-lama hari ini tanah tergadai, segala² habis, jadi papa terus papa.

Yang kedua, ia-itu si-miskin juga selalu kena aniaya, rumah di-roboh. Kadang² pegawai Kerajaan ini bukan semua-nya betul. Pegawai Kerajaan macham manusia juga, membuat salah, membuat silap, mithal-nya saya katakan rumah itu ada TOL tetapi di-robohkan oleh Kerajaan, Kerajaan Negeri mithal-nya. Bukan rumah haram, sebab apa, sekarang ini ada banyak rumah haram rumah ini ada TOL; rumah TOL ini pun kena roboh. Jangka-nya tidak boleh di-roboh. Yang dia tegakkan rumah mithal-nya berharga $1,000 atau $2,000 akhir-nya habis, terpaksa mereka ini berdiam diri, oleh kerana tidak ada pembelaan. Dengan ada-nya Bantuan Guaman ini biar pun Kerajaan bersalah atas pembelaan Kerajaan ini tadi, dan dengan ada-nya Bantuan Guaman ini tadi, ia-itu pegawai Kerajaan, maka pegawai Kerajaan terpaksa melawan Kerajaan itu balek.

Dahulu memang ada juga pembelaan di-buat kapada pegawai² Kerajaan bagi menjalankan tugas-nya. Jadi tugas² bagi pegawai² Kerajaan ini kadang² terlampau mengambil tugas-nya terlampau sangat power-nya, terlampau lebeh di-jalankan tadi. Jadi kadang² tersosol. Apabila tersosol, sudah dia di-bela oleh Kerajaan. Apabila di-bela oleh Kerajaan, maka kadang² Kerajaan terpaksa membayar beratus ribu ringgit, kerana silap-nya pegawai Kerajaan itu tadi. Dengan sebab itu sa-belum pegawai² Kerajaan itu, atau sa-siapa² juga yang hendak di-bela oleh Kerajaan atau Bantuan Guaman ini, mesti-lah di-siasat betul², ada-kah pegawai² Kerajaan itu menjalankan tugas-nya dengan sa-benar²-nya, kalau tidak, Bantuan Guaman itu di-jalankan maka Kerajaan pula terpaksa membayar beratus² ribu ringgit mithal-nya nelayan², harta benda orang dan lain². Ada juga di-kawasan saya, ia-itu ada satu orang menjual ice cream, orang miskin menjual ice cream, jadi sa-orang pegawai ini tadi dia ta' suka orang itu menjual ice cream di-tengah padang-nya, sebab ada locheng memanggil orang; apabila dia tengok lesen orang itu, dia koyakkan lesen-nya. Ini bukan saya olok². Dia koyakkan lesen orang itu. Orang ini datang berjumpa dengan saya, saya suroh report ka-Polis Steshen, tetapi tidak menjadi apa², ganti balek sahaja lesen-nya. Chara bagini, chara yang kejam bagini terhadap orang² yang miskin bagini, maka saya harap-lah dengan ada-nya Bantuan Guaman ini, pegawai yang berbuat bagitu terpaksa-lah di-hadapkan ka-Mahkamah. Jadi dengan sebab itu, saya dengan sa-penoh²-nya menyokong di-atas Rang Undang² ini.

Dr Tan Chee Khoon (Batu): Saya bangun untok berchakap sa-patah dua dalam Rang Undang² Akta Bantuan Guaman yang di-kemukakan oleh Peguam Negara. Tetapi,

Tuan Yang di-Pertua, terlebeh dahulu saya mohon izin untok berchakap dalam bahasa Inggeris dan juga dalam bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyokong sa-penoh[2]-nya atas Rang Undang[2] ini dan saya hendak juga menguchapkan sa-tinggi[2] terima kaseh dan tahniah kapada Kerajaan Pusat yang telah pun pada hari ini membawa Rang Undang[2] ini ka-Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, biar lambat asalkan selamat. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sa-benar-nya beberapa tahun dahulu kami dari pehak Pembangkang telah menyuroh Kerajaan Perikatan membawa Bil ini ka-Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya chuma hendak sentoh dua tiga perkara sahaja. Yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang[2] ini, pada pendapat saya dalam bahasa Inggeris, "there is too much of red tape". Orang yang miskin tadi yang di-sentoh oleh Ahli dari Kuala Selangor, kata-nya si-miskin mana boleh chari peguam, beliau boleh chari Benggali kata-nya, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, sa-benar-nya bukan Benggali, sa-benar-nya Penjabi.

Tuan Yang di-Pertua, si-miskin bagaimana-kah mereka boleh mengisi borang ini, mengisi borang itu, berjumpa pegawai ini, berjumpa pegawai itu, di-temuduga oleh Lembaga ini, di-temuduga oleh Majlis itu. Tuan Yang di-Pertua, si-miskin mereka barangkali buta huruf dan juga mereka terpaksa isi borang entah beberapa borang-nya bagaimana-kah mereka berani untok menchari Director of Legal Aid Bureau. Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, di-haraplah Peguam Negara boleh memberi directive kapada pegawai[2] yang tertentu supaya mereka boleh buat borang dengan senang sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Jangan-lah borang bagitu panjang berapa ratus perkara mesti di-penohi.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu, malang-nya mengapa-kah dalam Rang Undang[2] ini Pengarah Bantuan Guaman tidak boleh sendiri mengambil keputusan atau sa-lepas siasatan atau pun penyiasatan oleh Ketua Kebajikan Am di-negeri itu dan di-beri nasihat oleh Pengarah Bantuan Guaman tidak boleh mengambil keputusan, beliau terpaksa pergi ka-Lembaga atau pergi ka-Majlis Guaman. Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Peguam Negara boleh cut off the red tape and make it easy for the poor ignorant person needing legal aid, to get legal aid and that after all is the purpose of this Bill.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu saya hendak menyentoh sadikit sa-banyak tentang muka surat 25 the restrictive nature of the Bill. This Bill confines civil proceeding kapada perbicharaan di-bawah Ordinan (Nafkah) Perempuan Bersuami dan Kanak[2], 1950. Perbicharaan di-bawah Ordinan (Kemudahan[2] Mengkuatkuasakan) Perentah[2] Nafkah tahun 1969 untok perentah sementara. Perbicharaan di-bawah Akta (Menguatkuasakan Nafkah) Perempuan Bersuami dan Kanak[2] tahun 1968, dan harta[2] dan tanggongan[2] di-bawah Akta Penanaman Padi (Mengawal Sewa dan Menjamin Pemegangan), 1967.

Mr Speaker, Sir, this Bill then restricts the civil proceedings for which the poor persons in this country can get legal aid, of the civil defence that he can seek. Just now, as I walked into the room I heard the Honourable Member sitting opposite me talking about accidents and I believe that the Member for Dungun also touched on accidents. Now, we know that one of the most difficult things that the poor persons find in this country is to get legal aid for loss of limb or loss of life. That occurs everyday, may every hour and possibly every minute, and not only in this country but elsewhere. These are the persons who do not know where to go. They certainly can't go anywhere near a legal practitioner, and therefore they lose by default whatever justifiable and legal claims that they may have. Hence, Mr Speaker, Sir, I hope the Honourable Attorney-General in time to come, and we hope much sooner than later will widen the scope of this Bill. Let us not talk about maintenance only. Maintenance I agree, is a very important matter, particularly amongst people who say "cherai", "cherai", and just drop off their wives. But these accidents occur everyday and it is very important that if the State is to help the poor people then they should widen the scope of this aid and take care of people who meet with unfortunate accidents.

Tuan Yang di-Pertua, Clause 15 lists what is known as the disposable capital—

> "(i) that the applicant is not possessed of or entitled to disposable capital of a total value of more than $500; and
>
> (ii) that the disposable income of the applicant does not exceed $750 per annum.".

Mr Speaker, Sir, I have been doing a little calculation because the definition of disposable income is given in Clause 17, and I have added up the sums that are in Clause 17. It amounts to $1,010. If you add to it the sum of $750, you have a grand total of $1,760 of earned income and that works out to about $146.60. Mr Speaker, Sir, we all know there are many people in this category. If a person earns $150 then habis, ta' boleh dapat bantuan. It says here disposable income of $750 and on the next page it talks about disposable capital and after deducting, therefore, all these sums, that amounts to $1,010. I wish to bring to the attention of the Attorney-General, Mr Speaker, Sir, that there are many people who earn $150, $200 or even $300 a month, but I dare say that with the high cost of living in this country, with the high cost of education in this country, how on earth can they afford even $50 or even $25 for legal fees. Mr Speaker, Sir, just now I made a plea for the widening of the scope of the legal aid. Now I make a plea also for enlarging the earned income of a person, because even if he earns $300 a month, but if he can prove that he has a family of 10 people, for example, father and mother to support, how can he afford any legal fees. He cannot afford. Therefore, this Bill is not only restrictive in its scope but is also restrictive in terms of the monetary aspects of the poor persons who can qualify. Surely it is not the intention of the Government nor of the Attorney-General to say that only paupers can qualify for legal aid. A man has pride and we should not make him feel very small and cheap when he goes for legal aid. He should demand it as a right, and the State should give him Legal aid. After all, he has certain rights as a citizen and amongst those rights is legal aid.

Mr Speaker, Sir, I think it is a little mean on the part of the people who wrote out this Bill that they should also ask for things like out-of-pocket-expenses. Mr Speaker, Sir, I think it is in Clause 22. While the object of this Bill is to help the poor in this country, at the same time it talks about little things like transport allowance. The poor person who has probably never been to see or knocked into a lawyer in his life, if he is told by the Legal Aid Officer, "Now you may get this money, but you know, you have got to pay these kickbacks," then he gets frightened. Therefore I say it is unworthy, Mr Speaker, Sir, of the State to ask for these little bits. After all, if this House in its moment of generosity, could give $200,000 to our former Prime Minister what are all these little dribs and drabs that fall from under the table, crumbs from under the table that the State is wanting to take back from any person that it helps.

Mr Speaker, Sir, despite all these criticisms that I have made, I shall conclude by saying that the Gerakan fully supports this Bill and we hope that when the Government comes to implement this Bill, the Attorney-General will bear in mind something of the suggestions that I have made. Thank you.

Dato' K. M. James Wong (Miri-Subis): Mr Speaker, Sir, firstly I would say that this Bill is a most desirable one and is most welcome, and I would take this opportunity to congratulate the Government for introducing it. Other Honourable Members who have spoken before me spoke about various things and I would like to associate myself with the need of widening the scope of this Bill and as an Honourable Member over there said, we should cut down some of the red tape involved in the Bill itself.

There is one point, Mr Speaker, Sir, which I would like to speak on, which touches on a matter of principle and policy. Mr Speaker, Sir, I would like here to refer to Clause 4 of the Bill which says, "The Director shall be responsible to the Attorney-General." Mr Speaker, Sir, in other countries for instance England, the Attorney-General there, although it is a political office, however is not associated with the office of the Director of Public Prosecution. If I am wrong, I am subject to correction.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: You are wrong.

Dato' K. M. James Wong: Anyway, Sir, I do feel—this is my observation as a layman and as a member of the public—that since the office of the Attorney-General at the moment is a political one that it would perhaps be desirable to have the Director of Legal Aid not come under the office of the Attorney-General but it should come under a Judge or probably under the Lord President. The Director of Legal Aid should be responsible to the Lord President instead of the Attorney-General. I am making this observation with the best of intentions. If I may say this to the Attorney-General, I am

not saying here for a moment, Sir, that the Attorney-General would be biased or he would be partial, but as one Honourable Member over there who spoke earlier said, we ask the Government to be fair and to be impartial. Now it boils down to this: however impartial the Attorney-General would be, but since the Director of Legal Aid is directly responsibe to him, there is always the onus that if aid is refused for any reason whatsoever, some people will say, "Well, you know, it is because we are in the Opposition that the Attorney-General would not give us aid." Mr Speaker, Sir, I believe it is the intention of the Government here to widen this programme in the future and I feel that the question of this policy or principle should be looked into very very carefully so that no blame whatsoever will be attached to the office of the Attorney-General in case of any refusal.

Mr Speaker, Sir, I would like to seek clarification on one or two other points here. I notice in the Explanatory Note, under paragraph 6, that it says "The court shall then refer the application to the Director of Social Welfare to determine the means of the applicant and if the court is satisfied that the applicant is without adequate means and that it is desirable in the interests of justice that legal aid should be given, the court shall then certify this fact to the Director of Legal Aid who shall then make the necessary arrangements for the granting of legal aid". But under Clause 11 (2) of the Bill itself, the term used is, "in the interests of justice that such legal aid should be supplied, he shall certify this to the Director of Legal Aid, who may thereupon cause arrangements to be made for the defence of that person". The word "may" is used in the Bill itself, but the word "shall" in the Explanatory Note. The other point, Sir, to which I would like to draw the attention of the Honourable Attorney-General is a very small item. I believe in Sarawak the solicitors are referred to as advocates instead of as solicitors.

Well, Mr Speaker, Sir, I think I have covered the most important points which I wish to bring to the attention of the Honourable Attoreny-General. Thank you, Sir.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Dato' Yang di-Pertua, saya menguchapkan terima kasehlah atas segala sokongan² yang telah di-beri oleh Ahli Yang Berhormat Dewan ini dan juga tegoran² yang mendalam, yang membena dan lain². Sunggoh pun bagitu saya perchaya sedia mengambil ingatan atas tegoran² daripada Ahli Yang Berhormat yang telah beruchap pada petang ini. Tetapi sunggoh pun bagitu saya terpaksa juga menjawab satu dua perkara dalam perkara ini.

Yang pertama berkenaan dengan am. Saya telah berkata, Dato' Yang di-Pertua, ia-itu perkara ini ada-lah pilot scheme ia-itu perchubaan. Kalau satu orang hendak bertanam padi, atau tanah ada seribu ekar hendak chuba satu² beneh sesuai tidak kapada tanah itu mengambil sa-ekar, tanam sa-ekar dahulu, tengok sa-tahun atau 6 bulan, kalau sesuai tanah itu baharu di-sebarkan kapada tempat lain. Tetapi Ahli² Yang Berhormat pula kita baharu menyemai dua tiga bulan atas tanah yang kata sa-ekar tadi, atau 10 ekar, atau seribu ekar yang lain, menjerit² mengatakan mengapa tidak semai di-tempat² yang lain pula atau tidak lekas di-hebah pula. Tidak sesuai, ta' berkenaan bagaimana chadangan yang saya chakapkan tadi. Kalau benda pilot scheme, atau perchubaan kita tentu ma'alom mesti dia berjalan 6 bulan, atau sa-tahun dapat pengalaman daripada ini, apa baik-nya, apa ta' baik-nya, bagaimana dapat di-jalankan baharu diperkembangkan. Kalau tidak sia² sahaja perbelanjaan habis duit Kerajaan berjalan tidak betul. Bagitu juga orang buka ladang atau menanam padi, tiba² sahaja benda baharu tiga bulan, semai belum nampak hasil, suroh segera di-sebarkan semai segala tanah itu.

Jawab saya kapada Ahli Yang Berhormat yang tidak sabar lagi hendak serta merta belum sampai masa-nya. Sunggoh pun saya ingatkan di-sini Legal Aid dalam negeri Asia boleh di-tanya mana negeri yang sudah ada Legal Aid berjalan, melainkan di-Jepon dan di-Singapura sahaja, yang ketiga baharu Malaysia. Yang di-Singapura sa-kali pun sudah 8 tahun, masa itu Singapura di-bawah Malaysia. Saya pergi di-sana, tiga tahun yang pertama tidak boleh berjalan dengan betul, sudah itu baharu di-pinda Undang² itu sekarang sa-takat 8 tahun maseh lagi belum berjalan juga. Apakala saya pergi di-Singapura berunding dengan Pengarah di-sana—Peguam Negara di-Singapura, pulau kata-nya, satu pulau yang kechil besar itu bagini susah, kata dia, kalau hendak segala wilayah Malaysia ini, saya tidak tahu-lah problem atau masaalah yang Peguam Negara dan Kerajaan akan

hadapi. Pada hal kita sedar sa-buah pulau macham Singapura sa-kali pun dengan Legal Aid bagitu susah; negeri² lain konon-nya telah maju dan moden belum lagi berani menjalankan perkara ini ia-itu Bantuan Guaman, kerana perkara Bantuan Peguaman ini satu perkara betul sosial dan berguna, ia-itu satu chara yang sangat² mahal dan besar. Saya tidak tahu-lah tetapi bagi perchubaan sa-bagaimana saya kata tadi Kerajaan bersetuju mengadakan lebeh kurang dalam 150,000 satu pegawai dua tiga orang ada di-Kuala Lumpur tengok bagaimana berjalan perkara itu. Saya sudah beri; kekurangan² pegawai² yang ada—Pegawai Undang² belum ada lagi pengalaman.

Dalam Kementerian saya sendiri masa ini ada 13 jawatan kosong. Kalau hendak ditambahkan satu lagi tiap² negeri bagi Pegawai Bantuan Guaman, mahu 15 lagi, di-mana hendak chari, saya bertanya, ada tujoh lapan puloh penuntut² kita yang di-bantu oleh Kerajaan maseh belajar di-Singapura dalam hal Undang². Yang ada ini pun payah hendak di-tahan, ada yang hendak keluar tiap² dua tiga bulan sa-orang keluar menchari pekerjaan yang lain. Ini kesusahan yang mesti tiap² Ahli Yang Berhormat ini sedar dan Dewan ini sedar dalam perkara ini.

Pengalaman bantuan guaman yang kita belum sadikit sa-kali pun mengadakan pengalaman. Chuma hendak mengadakan satu pejabat yang kechil di-Kuala Lumpur sa-kali pun belum di-edarkan lagi, belum di-chuba sa-hingga ka-Kelang atau di-Kajang belum berjalan pun belanja-nya satu tahun dekat² $100,000. Kalau-lah bantuan hendak di-hantar di-adakan seluroh Malaysia ini dengan kehendak bagaimana Ahli Yang Berhormat dari Batu mengatakan dalam 3, 4 Schedule itu di-perluaskan dalam banyak² perkara yang lain, dia lupa, saya fikir tidak chukup dengan lima puloh atau $100 million belanja-nya. Sanggup-kah perkara itu kalau di-adakan chukai bagitu banyak hendak memberi bantuan sahaja.

Kita lupa Ahli² Yang Berhormat bantuan guaman itu ia-lah perchuma bagi orang itu yang menjalankan bantuan guaman atau lawyer itu pergi di-Majisteret atau di-Mahkamah bukan pegawai undang², ia-itu ada panel of lawyers ia-itu satu list lawyer² yang sanggup kata dia volunteer dalam itu. Volunteer itu kata dia menolong kapada guaman ini, tidak banyak chuma $100 sa-hari sahaja; $100 sa-hari atau $100 satu kes. Kalau ada kes kechil 4 kes hari itu, sa-orang loyer kata dia volunteer-lah menolong membantu 4 kes $400. Kerajaan akan membantu tiap² satu loyer satu kes $100 atau satu hari $100. Itu perbelanjaan, betul pada orang itu perchuma, tetapi kapada Kerajaan boleh jadi satu bulan berapa ratus ribu satu bandar sahaja.

Di-situ masing² Ahli² Yang Berhormat tidak sedar. Itu bantuan bagi loyar free, belanja hangus, sadikit benar kata dia $100 sa-hari, sudah habis tidak dapat di-kechilkan lagi, yang ada dalam peratoran. Kalau biasa-nya dia dapat $1,000 sa-hari. Kita hendak bagi free pada segala²-nya. Tidak-kah layak kalau sa-orang itu saya menyatakan kapada bacha Undang² ini betul² dan di-semak yang pendapatan-nya lebeh daripada $150—ada Sekshen 16 itu menyatakan $165 ka-atas boleh di-beri bantuan guaman. Tetapi yang $146 sa-bulan ka-bawah kita beri bantuan free dan Kerajaan tidak ambil apa² perbelanjaan. Tetapi bagi yang lebeh ka-atas kapada gaji yang $150 kita beri ada berhak boleh dapat bantuan guaman tetapi ada bayaran yang kechil yang patut di-beri kapada Kerajaan kerana Kerajaan membawa satu orang $100—satu kes $100. Ada-kah tidak patut bagi Kerajaan mengadakan sadikit potongan kalau satu orang itu menuntut dengan sebab kaki-nya di-langgar motokar, gaji-nya $200 atau $300 mengikut Ahli Yang Berhormat dari Batu dapat $50,000 tidak payah kita ambil mithal-nya $100; $500 untok perbelanjaan peguam yang kita ambil Kerajaan membela dia tadi? Ada-kah itu tidak adil? Itu saya bertanya.

Berkenaan dengan senarai di-katakan Jadual 1, 2, 3,—itu perkara, Tuan Yang di-Pertua, sememang saya tahu. Itu buat perkara hendak mengisikan dan bila² masa sahaja ada mengatakan dalam sekshen 12 itu, Paguam Negara boleh menambah dan mengurangkan bila² masa apa² perkara dalam Jadual dan Peguam Negara boleh berkuasa menjalankan, melaksanakan Undang² ini di-mana² State apakala sampai masa chukup wang, bila² masa, itu perkara yang di-sebut tadi berpuloh² perkara yang patut kita beri sememang telah ada dalam list, sememang sudah berjalan. Tetapi dengan sebab perkara ini pilot scheme belum dapat berjalan. Tetapi lepas 5, 6 bulan kita baharu berjalan belum sa-tahun lagi dan saya akan membuat satu penyata kapada Kerajaan kemukakan bagaimana kita

hendak meluaskan bantuan guaman ini, sama ada ka-negeri Timor sahaja atau ka-Kedah dahulu di-adakan 3, 4 tempat dahulu atau seluroh negeri mengikut keadaan kewangan negara, keadaan ada-nya tidak-nya Pegawai Undang² yang berkelayakan bagi tempat² yang tertentu itu, mengikut keadaan ini. Perkara itu saya mengambil ingatan, saya sedar khas-nya berkenaan dengan tanam padi yang di-katakan tadi dan juga Pantai Timor, memang patut kita ada, sememang saya sudah menchadangkan. Tetapi pilot scheme ini belum lagi saya dapat report bagaimana perjalanan-nya. Saya ingat.

Berkenaan dengan berkehendakkan kata Pegawai Undang² Perempuan di-dalam-nya. Pegawai Bantuan Guaman ini, kalau ada pun Pegawai Undang², ia-lah menjalankan pentadbiran, dia jarang² pergi di-Mahkamah. Yang pergi ka-Mahkamah itu ia-lah peguam² yang dalam panel yang kita pileh bagi membela sa-orang itu yang pergi ka-Mahkamah. Masa ini Penolong Pengarah itu ia-lah sa-orang Peguam Perempuan dan dalam 8 orang kakitangan yang ada di-Pejabat Jalan Tuanku Abdul Rahman itu pun 5 daripada-nya perempuan. Di-dalam Lembaga pun ada perempuan, saya sedar ia-itu bagaimana pun bagi masa akan datang, kalau boleh sa-berapa yang boleh, legal officer atau pun peguam perundangan itu yang akan kita atorkan, kalau boleh, ia-lah daripada ahli² wanita oleh kerana kebanyakkan yang datang meminta bantuan itu ia-lah daripada kaum ibu—kaum wanita.

Berkenaan dengan perlaksanaan undang² Legal Aid Bill, tuntutan nafkah di-Mahkamah Shari'ah, saya menyatakan kapada Dewan ini benda ini telah pun di-pinda dan boleh di-jalankan di-Mahkamah Shari'ah bagi tuntutan² nafkah, bukan hendak membela dari hukum shara'—tidak, melaksanakan tuntutan nafkah itu. Itu telah di-laksanakan. Boleh di-katakan semua negeri oleh Pegawai Undang² kita, atau pun peguam² yang berugama Islam membela, atau menolong sa-saorang itu di-Mahkamah Shari'ah bagi menuntut nafkah-nya, atau mendapatkan nafkah sudah pun berjalan di-mana² negeri².

Berkenaan dengan chadangan, atau Ahli Yang Berhormat dari Kubang Pasu Barat menyatakan berkenaan dengan, kalau boleh, apakala di-jalankan di-Kedah, di-Alor Star, kalau ada Pegawai Bantuan Guaman di-laksanakan di-sana hendak-lah di-jalankan dengan chara yang ada.

Bagi penerangan di-sini saya menyatakan ia-itu sa-orang itu akan di-lantek menjadi pegawai atau Penolong kapada Pengarah Bantuan Guaman dudok di-Alor Star, di-sana dia akan buat list satu senarai nama lawyer² yang akan membela orang² yang layak dapat bantuan itu di-Mahkamah Alor Star mithal-nya. Di-mana-kah datang ada tidak ada dan champor-nya politik dalam itu, saya bertanya. Kerana pegawai yang mentadbir itu ia-lah pegawai undang² bagaimana yang ada di-beratus² negeri. Kadang dia Majisteret, kadang dia bertukar menjadi pegawai, tidak kena-mengena langsong dengan politik. Dan apakala sa-orang peguam di-beri kapada-nya membela sa-orang itu pergi di-Mahkamah membela untok diri, di-mana ada champor tangan dengan politik, itu-lah kalau tidak faham itu, jangan-lah di-chakapkan perkara yang macham itu, malu-lah di-Dewan yang mulia ini.

Ahli Yang Berhormat pula dari Miri-Subis, lagi menchadangkan ia-itu Jabatan ini tidak usah di-bawah Peguam Negara konon-nya bersifat politik, kalau boleh, hantarkan dia Jabatan ini di-bawah Hakim.

Saya ingat dalam bahasa Inggeris, minta ma'af . . . . . .

> "Article 145. (2) It shall be the duty of the Attorney-General to advise the Yang di-Pertuan Agong or the Cabinet or any Minister upon such legal matters, and to perform . . . . . .
>
> (3) The Attorney-General shall have power, exercisable at his discretion, to institute, conduct or discontinue any proceedings for an offence . . . . . ".

The Constitution provides for the Attorney-General, who is also the Public Prosecutor, at his own discretion, to arrest, to charge, to continue or discontinue without the control of anybody, neither by the Cabinet nor by any Minister. He alone exercises such power even for the arrest of any Honourable Member in this House under the Sedition Act. Such is the great power which has been bestowed by the Constitution to the Attorney-General, who is also the Public Prosecutor. When such trust has been given to him under the Constitution—and the Constitution provides that the Attorney-General can also be a Minister of the Cabinet—my friend, the Honourable Member, worries himself to death on the question that the Director of Legal Aid would be under the Attorney-General. The Attorney-General has no control whatever because it is the lawyers who defend these poor people in court when

the real power is really the Attorney-General sitting before him. Even at this moment if he utters anything against the four Articles under the Constitution, the Attorney-General can order for his arrest. (*Ketawa*).

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, untok penjelasan. Ada-kah Peguam Negara hendak takutkan wakil dari Sarawak (*Ketawa*).

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tidak, Tuan Yang di-Pertua. Saya *care offkan* dia untok wakil Batu (*Ketawa*). Sa-betul-nya, Tuan Yang di-Pertua, segala pindaan itu ada-lah di-jalankan oleh Solicitor-General atau Pegawai² Perundangan. Kalau dia tidak menerangkan perkara yang besar² dia minta panduan dan keputusan daripada saya. Sa-betul-nya segala perbicharaan yang di-jalankan, di-jalankan oleh Pegawai Per-undangan. Perkara yang chukup besar sahaja mesti di-hantar kapada Peguam Negara yang mana dia tanggong-jawab kapada Parlimen ini. Kalau tidak di-jalankan dengan adil, tanggong-jawab kapada Parli-men, tanggong-jawab kapada ra'ayat, dan kalau dia perchaya kapada ugama dan Tuhan-nya di-akhirat kelak tanggong-jawab-nya.

Dato' K. M. James Wong: Mr Speaker, Sir, I am surprised really that the Attorney-General should take it in that light. I mean, we are at the moment discussing . . . . . .

Tuan Yang di-Pertua: Is it on a point of clarification?

Dato' K. M. James Wong: I am just explaining Sir—on a point of explanation. We are discussing the Legal Aid Bill. The Attorney-General's office is a political office, and I pointed out what the implications could be—you know, what the public would think of it? That is all. In fairness, I do not think the Attorney-General should take it in that light, that I am imputing any improper motive. I have made it quite clear earlier on.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Dato' Yang di-Pertua, excuse my speaking in English. The suggestion just now that the Director of Legal Aid should be more independent and should not be under the Attorney-General—for what reason? He said it because of political reason—that he should be more independent. I am going to reply here, to tell him, that the Director of Legal Aid and other officers are really exercising by themselves under the law; it is the lawyers chosen by him who will defend these cases. It is clear, therefore, that when I said that those Legal Officers are all under me, it does not mean that because I am a politician, that I am the agent, that I will be biased and will hinder justice. I pointed out to him, very clearly, that I have that power even ten times or a hundred times more than them. So there is no earthly reason why the Director of Legal Aid should not be under the Attorney-General. That is the main thing.

Tuan Yang di-Pertua: Sometimes it is best not to point out the powers. (*Ketawa*).

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, following what you said, all power corrupts; absolute power corrupts absolutely! (*Ketawa*).

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: I will remind the Honourable Member—he said that—that I have been in power for seven years; and he is still there independent and left alone; and my name suggests itself: "Abdul Kadir" means "The Powerful"! (*Ketawa*).

Akhir-nya, sa-bagaimana saya nyatakan tadi segala tegoran² Ahli² Yang Berhormat yang lain berkenaan dengan meminta tinda-kan Kerajaan sa-berapa segera meluaskan lagi perkhidmatan Bantuan Guaman ini. Saya akan chuba laksanakan, chuba bawa perkara ini kapada Kerajaan apakala dapat kita sa-lepas menyelesaikan laporan daripada Penga-rah Bantuan Guaman yang berada di-Kuala Lumpur ini. Sa-memang-lah hasrat Kerajaan hendak memberi Bantuan Guaman itu kapada yang miskin, tetapi memandang-lah kapada kewangan dan lain², dan saya ingat juga bagaimana yang di-chadangkan oleh Ahli Yang Berhormat, ia-itu tempat yang lebeh mustahak, khas-nya di-luar bandar, di-Pantai Timor, di-Alor Star dan lain² yang berkehen-dakkan Bantuan Guaman apakala di-laksana-kan kelak pada negeri lain. Perkara itu semua, Tuan Yang di-Pertua, dalam ingatan. Terima kaseh.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatankuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatankuasa*).

Fasal 1 hingga 33 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual Pertama hingga Keempat di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² (PINDAAN) KESALAHAN² KECHIL

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan ia-itu Rang Undang² yang bertajok Akta Pindaan Kesalahan² Kechil, 1971 di-bachakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Speaker, peruntokan² yang di-chadangkan dalam Rang Undang² di-hadapan Dewan pada hari ini telah di-masokkan dalam Ordinan Kesalahan Kechil 1955 ia-itu kapada Ordinan No. 37 (Kuasa² Perlu) Dharurat 1970, sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat telah bacha dalam *Warta Kerajaan* P.U. (A) 235/70 bertarikh 9hb Julai, 1970. Peruntokan ini meminda Sekshen 25 Undang² Kesalahan² Kechil 1955 dan telah pun berkuasa di-bawah Kuasa² Dharurat bagi maksud menegah sa-saorang memakai, memileki dan membuat uniform samaran.

Rang Undang² yang ada di-hadapan kita ini sa-mata² bertujuan untok memasokkan sa-mula peruntokan baharu ini dalam satu undang² yang kekal.

Di-masa² yang lampau berbagai² pertubohan di-negara ini telah sering kali meniru bentok dan pakaian sa-ragam atau pun uniform yang di-gunakan oleh anggota² Angkatan Tentera Malaysia dan dengan hal yang demikian telah mengelirukan orang ramai. Di-dalam masa kechemasan bulan Mei, tahun 1969, anggota² Angkatan Tentera telah pun di-tudoh membuat kelakuan yang tidak di-ingini dengan sebab orang² yang terlibat konon-nya berpakaian hijau. Untok mengelakkan berlaku-nya kejadian² yang tidak di-ingini itu anggota² Angkatan Tentera Malaysia sekarang telah di-lengkapkan dengan uniform samaran bagi pertemporan atau dengan bahasa Inggeris camoflaged combat uniform yang baharu untok di-gunakan khas dalam gerakan² serta latehan².

Ordinan No. 3/55 sekarang hanya memperuntokkan tegahan atas memakai uniform atau pakaian sa-akan² uniform yang di-gunakan oleh Angkatan Tentera Malaysia atau mana² Pasokan Tempatan atau pun Angkatan Tentera yang melawat negara ini ia-itu visiting forces, Police Malaysia atau Singapura atau Jabatan Kerajaan dan Perbandaran. Lagi pula hukuman yang di-peruntokkan jika di-dapati thabit atas kesalahan melanggar tegahan ini mengikut Undang² sekarang chuma boleh di-denda sa-banyak $50 sahaja dan hukuman ini di-anggap sangat rengan. Di-antara peruntokan² yang di-chadangkan adalah—satu: mengharamkan sa-siapa yang bukan anggota Tentera Malaysia atau anggota tentera lawatan memakai uniform sama ada sa-lengkap-nya atau sa-bahagian sahaja atau pun apa yang menyerupai sa-akan² uniform samaran dan boleh di-denda sa-kira-nya thabit tidak lebeh daripada $500 atau penjara tidak lebeh daripada 6 bulan; dan kedua: menegah sa-siapa yang tidak kebenaran bertulis daripada Menteri membuat, mengeluar, manufacture, menjual membeli, mengimpot atau eksport kain camoflage atau uniform camoflage dan sa-kira-nya bersalah boleh di-denda tidak lebeh daripada $1,000 atau penjara sa-lama 12 bulan. Juga ada satu peruntokan yang di-anggap mustahak, ia-itu, peruntokan yang memberi kuasa kapada mana² Pegawai Polis menangkap tanpa waran, sa-siapa yang di-shaki melakukan kesalahan dan barang² yang menyebabkan kesalahan itu, boleh di-ambil atau "seize" oleh Pegawai Polis tersebut. Bagitu juga mahkamah di-beri kuasa mengeluarkan perentah merampas atau pun order of forfeiture barang² yang telah di-ambil oleh Polis, sunggoh pun tiada sa-siapa yang di-dapati thabit dengan sa-suatu kesalahan di-bawah sekshen ini yang di-bawa ka-mahkamah.

Tuan Yang di-Pertuan, saya mohon mengemukakan.

Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatankuasa.

Dewan besidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatankuasa.*

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan; di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² (PINDAAN) POLIS

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan ia-itu Rang Undang² yang bertajok Akta (Pindaan) Polis, 1971 di-bachakan kali yang kedua.

Tuan Speaker, tujuan Rang Undang² ini ia-lah untok mengekalkan peruntokan di-dalam Peratoran² Perlu Pengubahsuaian Akta Polis, 1969 melaluï P.U.A. 454/69 yang akan di-mansokhkan. Peruntokan tersebut telah meminda sekshen 96 (2) (*f*) Akta Polis No. 41/67 bagi mengenakan bayaran atas perkhidmatan² Polis yang luar biasa, ia-itu extra atau istimewa, special yang di-beri kapada badan² berkanun atau Quasi-Government Departments. Perkataan "Members of Public" dalam Sekshen 96 (2) (*f*) Akta Polis No. 41/67 yang ada sekarang itu tidak meliputi statutory authorities atau Quasi-Government Departments.

Oleh itu tidak-lah boleh bagi pehak Kerajaan mengenakan bayaran ka-atas badan² berkanun bagi perkhidmatan Polis. Majlis² Municipal dan Lembaga² Pelabohan banyak menggunakan perkhidmatan² Polis dan mustahak-lah di-pinda Akta Polis No. 41/67 supaya boleh di-kenakan juga bayaran ka-atas mereka itu. Pindaan yang di-maksudkan hanya memasokkan perkataan "or statutory authorities" antara perkataan "the public" dan perkataan "for extra" dalam peruntokan Sekshen 96 (2) (*f*) Akta Polis No. 41/67.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan.

Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*).

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² EJENSI PERSENDIRIAN

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan ia-itu Rang Undang² yang bertajok Akta Ajensi Persendirian, 1971 di-bacha kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang² ini ia-lah untok mengekalkan peruntokan berkenaan kawalan Ajensi² Persendirian yang telah di-ishtiharkan di-bawah Perkara 152 Perlembagaan sa-bagai Ordinan No. 58 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1970 yang akan di-mansokhkan.

Pada masa yang telah sudah peluang terbuka kapada sa-siapa pun untok menjalankan urusan Ajensi Persendirian sa-chara pendaftaran perusahaan di-bawah Registration dan Licensing of Business Ordinance No. 12/53. Amalan ini telah menimbulkan angkara sebab bukan sahaja kemungkinan di-jadikan topeng oleh anasir² kumpulan haram dan kongsi gelap untok memajukan kutipan wang perlindongan sa-chara haram, tetapi di-ambil faedah oleh pehak penipu, ia-itu confidence tricksters bagi menjalankan kegiatan² tipu daya-nya.

Di-bawah Ordinan No. 12/53 Pendaftar Peniaga² tidak berkuasa menolak permintaan mendaftarkan sa-suatu perniagaan yang tidak di-tegah oleh sa-barang undang². Tiada kuasa di-peruntokkan di-bawah mana undang² pun bagi menghalang atau mengawal urusan Ajensi Persendirian. Rang Undang² ini bermaksud untok mengawal dan melesen urusan Ajensi² Persendirian saperti Pertubohan

Keselamatan Perdagangan, Penyiasat Persendirian dan Ajensi Penyiasatan.

Konsep Undang² ini bagi menyesuaikan dengan keadaan masa dan peredaran zaman. Konsep Rang Undang² ini di-bentok dari beberapa aspek. Di-antara lain²-nya di-peruntokkan sekatan bagi menchegah sa-sabuah Ajensi Persendirian itu di-gunakan untok gerakan penyulohan (espionage) oleh mana² misi asing (foreign mission) yang berada dalam negeri ini bagi mengawasi kepentingan orang ramai supaya jangan kena tipu. Di-peruntokkan juga perishtiharan rasmi yang mengumumkan pendaftaran dan pembatalan sa-buah Ajensi Persendirian.

Rang Undang² ini bertujuan mengawal badan² saperti private detective agencies dan Securicor, Safeguards, Securiguards sa-chara mewajibkan lesen untok menjalankan perniagaan masing² serta menentukan beberapa sharat yang lain ka-atas sa-sabuah badan itu dan pekerja²-nya.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri di-beri kuasa membentok kaedah² atau pun rules atau peratoran di-antara lain²-nya bagi menetapkan pembayaran lesen dan wang pertarohan serta ma'alumat dan keterangan yang di-perlukan ka-atas badan² yang berkenaan dan pekerja²-nya.

Peruntokan yang mustahak termasok dalam Rang Undang² itu telah di-huraikan satu persatu-nya di-dalam huraian ia-itu explanatory statement dalam Rang Undang² ini. Di-antara peruntokan itu yang penting termasok-lah pengumuman melalui *Warta Kerajaan* akan sa-sabuah Ajensi yang telah di-benarkan lesen atau di-batalkan lesen. Ini akan mengelakkan orang ramai dari kena tipu. Peruntokan mewajibkan surat kebenaran daripada pehak Polis untok mengambil sa-saorang berkhidmat dengan sa-sabuah Sharikat Ajensi Persendirian itu akan menjamin tidak di-beri kerja kapada orang yang berekod Polis atau yang ada rekod dengan polis.

Kuasa juga di-beri kapada Menteri untok mengeluarkan perentah memereksa atau pun "search", atau menggelidah atau pun "raid" mana² tempat yang di-gunakan oleh Ajensi Persendirian yang berlesen itu sa-kira-nya Ajensi² berkenaan di-shaki melakukan kegiatan yang di-anggap perasangka, atau pun prejudicial terhadap keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam atau kepentingan negara bagi menchegah pergerakan penyulohan-nya yang mungkin berjalan oleh sa-suatu kuasa asing di-dalam negeri ini.

Peruntokan yang penting sa-kali ia-lah kuasa Menteri untok membentok kaedah² atau pun rules yang sa-lain dari menentukan pembayaran lesen dan wang pertarohan serta ma'alumat dan keterangan yang di-perlukan akan juga memperuntokkan dengan am-nya supaya berkesan perjalanan undang² ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan.

Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, suka saya mengambil peluang mengatakan sadikit Rang Undang² Ajensi Persendirian ini yang mana sekarang ini di-negeri kita ada beberapa Ajensi Persendirian yang menjaga dan mengawal harta benda dan rumah orang² yang mahu menjalankan-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Rang Undang² Ajensi Persendirian ini bersandarkan huraian² yang di-beri oleh Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri baharu sakejap tadi. Jadi sunggoh pun demikian saya ingin mengingatkan bahawa dengan ada-nya Undang² ini mungkin akan ada dan bertambah banyak lagi kompeni² atau pun sharikat² yang mahu menjalankan usaha² saperti yang telah ada itu. Jadi, saya setuju kalau Kerajaan mengawal demikian itu dan saya minta supaya Kerajaan mengambil perhatian juga tentang chara² hendak mengawal ini. Kita takut dengan ada-nya pengawal² saperti ini akan terjadi saperti yang kita dengar di-sabuah negara lain, ia-itu di-Filipina yang mana banyak pengawal² persendirian yang mengawal harta² orang kaya dan orang² besar yang mana dengan itu menimbulkan problem pula dan kadang² pengawalan itu menimbulkan puak di-antara sharikat yang menjalankan pengawalan ini dengan sharikat yang menjalankan pengawalan lain. Jadi, ini satu problem yang akan timbul dengan berjalan-nya apa yang hendak di-jalankan oleh Kerajaan hari ini.

Jadi, saya minta Kerajaan mengambil perhatian hal ini supaya jangan terjadi perlawanan antara pehak Ajensi² Persendirian yang mengawal harta benda orang² kaya dan harta benda orang² yang mahu menggunakan-nya. Sekian, terima kaseh.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*).

Fasal 1 hingga 20 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² PUNGUTAN KA-RUMAH DAN DI-JALAN (PINDAAN)

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya menchadangkan ia-itu Rang Undang² yang bertajok Akta Pungutan Ka-Rumah dan Di-jalan (Pindaan), 1971 di-bachakan pada kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang² ini ia-lah untok memasokkan sa-mula dalam Undang² yang kekal mengandongi Peruntokan Peratoran² Perlu (Pungutan Rumah Ka-rumah dan Di-jalan), 1969 yang telah di-buat di-bawah Ordinan 61 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1969 melaluï Pemberita Undang² (A), 514 bertarikh 10hb Disember, 1969. Peratoran² Perlu itu telah meminda Ordinan Pungutan Rumah Ka-rumah dan Di-jalan No. 18/47 bagi menentukan tiap² pungutan derma untok tempat² sembahyang serta untok maksud ugama sa-lain daripada Ugama Islam hendak-lah di-kenakan lesen dari pehak Polis. Pada masa yang lalu beberapa kejadian telah berlaku di-mana pengutip² derma² yang di-katakan untok maksud ugama terdiri daripada anggota² yang tidak di-ingini saperti anasir² jenayah dan ahli² kongsi gelap. Sunggoh pun perkara ini di-ketahuï oleh pehak Polis, tetapi siasatan tidak di-jalankan oleh kerana kutipan² untok ugama di-anggap masaalah yang rumit serta sensitif dan keterangan² sangat-lah sukar di-dapati tanpa penyiasatan.

Menurut pentadbiran Undang² sekarang kebenaran Polis tidak perlu di-dapati untok menjalankan kutipan² kerana penggunaan maksud² ugama. Sebab ini di-kechualikan menurut ta'arif collection di-bawah sekshen 21, Ordinan 18/47. Dengan keadaan demikian anasir² yang tidak di-ingini sa-chara bertopengkan ugama telah menjalankan kutipan² wang yang di-salahgunakan. Ugama yang di-maksudkan itu ia-lah ugama² lain daripada Ugama Islam, kerana kutipan berkenaan dengan Ugama Islam sudah pun terta'alok di-bawah Undang² yang tertentu di-negeri masing².

Chadangan pindaan saperti yang di-hurai dalam Bill ini ada-lah yang di-maksudkan itu bertujuan supaya kutipan² untok tempat² sembahyang serta untok maksud² yang sa-mata² berthabit dengan ugama itu tidak di-kechualikan dari mendapat kebenaran Polis. Demi kepentingan memelihara khalayak ramai di-tipu oleh anasir² yang tidak di-ingini, wajar-lah di-pinda Ordinan No. 18/47, bagi mensharatkan kutipan² kerana penyelenggaraan tempat² sembahyang dan maksud² berthabit dengan ugama hendak-lah juga mendapat kebenaran Polis.

Rang Undang² ini akan meminda ta'arif perkataan "collection" di-bawah Sekshen 21, Ordinan 18/47 sa-chara menggugorkan perkataan "or money collected by or under the authority of a recognised representative of a religion or religious community for the up-keep of any place of worship or house of prayer or for any purely religious purpose".

Dengan pindaan ini akan di-anggap menjadi satu kesalahan bagi sa-saorang memungut wang tanpa lesen bagi sa-suatu maksud ugama kechuali bagi maksud Ugama Islam yang sudah pun terta'alok di-bawah Undang² negeri masing².

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan.

Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*).

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI

Bachaan kali yang kedua dan ketiga

Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Dato' Onn): Tuan Yang di-Pertua saya mohon menchadangkan supaya Rang Undang² bernama suatu Akta untok membuat peruntokan² bagi menuboh, menyenggara dan mentadbirkan Universiti² dan Kolej² Universiti dan bagi lain² perkara yang berkenaan dengan-nya di-bachakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam uchapan saya, saya akan beruchap dalam bahasa Inggeris dan dari itu izinkan-lah saya berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang² ini mengandongi peruntokan² Ordinan No. 74 (Kuasa perlu) Dharurat, 1971 yang telah di-ishtiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 10hb Februari, tahun ini. Rang Undang² ini juga mengandongi beberapa peruntokan yang baharu yang tertentu yang akan saya sentoh sa-chara ringkas dalam uchapan saya ini.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lepas sahaja pengishtiharan Ordinan No. 74 itu, pehak² yang berkenaan, terutama sa-kali Majlis Universiti Malaya dan Badan² Pelajar dari Universiti Malaya menyuarakan bantahan²-nya atas fasal² yang tertentu yang terkandong di-dalam Ordinan itu. Bantahan² itu telah di-pertimbangkan oleh Kerajaan. Ada yang di-terima dan pindaan² ka-atas-nya telah di-masokkan ka-dalam Rang Undang² ini. Ada yang Kerajaan tidak dapat menerima bantahan² itu.

Fahaman Kerajaan terhadap Universiti, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah berikut:

"Universities anywhere in the world do not exist in a vacuum. Our universities, in particular, certainly do not. While the Government is in agreement with the concept of academic freedom, it is necessary however to remember always that like other freedoms it is not absolute. It is subject to qualifications imposed by national, financial and other practical considerations. In order to maintain its academic standards and thus ensure its repute in the international academic world a university will require vast amounts of public funds and in that process it will have to bear constantly in mind the national aspirations and needs as interpreted by the Government. In this regard, it is important to remember that even universities not dependent on public funds have to bear in mind and to some extent conform to the wishes of their private benefactors".

Tuan Yang di-Pertua, ada-lah perlu di-ketahuï latar belakang Rang Undang² ini. Pada tahun 1968, Kerajaan telah melantek suatu Jawatan-kuasa yang di-ketuaï oleh Yang Berhormat Tan Sri Hakim Md. Suffian untok menggubal Perlembagaan Universiti Pulau Pinang yang mengandongi peruntokan² peralehan yang di-fikirkan perlu untok menubohkan Universiti itu. Satu lagi Jawatan-kuasa di-ketuaï oleh Pengerusi itu juga dan mempunyaï anggota² yang lebeh kurang sama telah di-tugaskan untok menyediakan suatu deraf Perlembagaan bagi Universiti Kebangsaan. Kedua² Jawatan-kuasa itu telah menyempurnakan tugas mereka masing² pada tahun 1969 dan tahun 1970.

Kedua² Laporan tersebut telah di-kaji oleh Kerajaan dan Perlembagaan yang telah di-shorkan untok Universiti Pulau Pinang dan Universiti Kebangsaan telah di-jadikan asas bagi Jadual kapada Rang Undang² ini, ia-itu sa-bagai perlembagaan chontoh.

Ada pun tujuan Akta ini ia-lah untok mengadakan peruntokan² bagi menuboh, menyenggara dan mentadbirkan Universiti dan Kolej² Universiti dan bagi lain² perkara yang berkenaan dengan-nya. Dengan ada-nya Akta ini, maka tidak-lah perlu di-buat suatu Akta Parlimen tiap² kali sa-suatu Universiti atau Kolej Universiti hendak di-tubohkan pada masa hadapan. Yang di-Pertuan Agong hanya di-kehendaki menubohkan-nya melaluï suatu Perentah Perbadanan menurut sekshen 6 dan 7 Akta (bagi menuboh Universiti) dan sekshen 22 (bagi menuboh Kolej Universiti). Akta ini juga mengadakan suatu achara yang sama bagi menubohkan sa-suatu Universiti atau pun Kolej Islam.

Ada pun tujuan Jadual kapada Akta ini ia-lah untok menentukan persamaan yang sa-tengah²-nya dalam Perlembagaan² semua Universiti.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berchadang hendak menjelaskan dengan panjang lebar peruntokan² Akta ini dan Jadual-nya, tetapi sa-kadar menerangkan peruntokan² tertentu yang di-anggap mustahak. Pertama, sekshen 3 Akta ini memberi Menteri Pelajaran tanggong-jawab atas pengarahan am pelajaran tinggi dan pentadbiran Akta ini. Bagi maksud ini, sekshen 4 memberi kuasa kapada Menteri Pelajaran untok melantek mana² orang atau badan bagi menyiasat kegiatan² atau pentadbiran mana² yayasan pelajaran tinggi dan melaporkan kapada-nya keputusan² penyiasatan itu. Peruntokan² ini ada-lah perlu jika Menteri Pelajaran hendak menentukan dengan berkesan pengarahan² 'am pelajaran tinggi di-negara ini.

Sekshen 8 Akta ini ada-lah bertujuan menjaga Perlembagaan Universiti² yang ada sekarang dan yang akan di-tubohkan pada masa² hadapan daripada penyelewengan² besar dan dengan itu mempastikan darjah persamaan yang tinggi. Walau bagaimana pun, sekshen 26 Akta ini, ia-itu suatu peruntokan yang baharu, yang tidak ada didalam Ordinan 74, membolehkan Yang di-Pertuan Agong mengechualikan, mengubah dan menambah kapada Perlembagaan untok memberi sadikit kelonggaran jika di-fikirkan perlu.

Sekshen 23 Akta ini menjadikan-nya bersalahan bagi sa-siapa jua menuboh, membentok atau memaju membuat apa² atau menjalankan apa² kegiatan bagi maksud menubohkan atau membentok atau memajukan penubohan atau pembentokan sa-suatu Universiti atau Kolej Universiti melainkan mengikut peruntokan Akta ini. Akta tersebut ini, ia-itu mengikut sekshen 24 (2), menetapkan bahawa tiada sa-suatu yayasan pelajaran tinggi atau sa-siapa jua boleh mengeluarkan atau memberi kapada sa-siapa apa² ijazah atau diploma yang berupa sa-bagai ijazah atau diploma yang di-keluarkan atau di-beri oleh sa-suatu Universiti atau Kolej Universiti melainkan pengeluaran atau pemberian itu mengikut peruntokan² Akta ini . . . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Chukup tempoh-nya, Yang Berhormat chadangkan usul.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Ya!

PENANGGOHAN

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Boleh, Tuan Yang di-Pertua. Saya menchadangkan Meshuarat ini di-tanggohkan.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

UCHAPAN PENANGGOHAN

BUKU² TEKS DAN SISTEM EJAAN—BANTUAN KAPADA PELAJAR²

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, sa-telah semalam saya berchakap di-Dewan ini dalam Uchapan Penanggohan mengenaï masaalah yang dihadapi oleh guru maka pada hari ini, saya rasa mustahak saya memperkatakan sadikit sa-banyak mengenaï masaalah buku² teks dengan sa-chara rengkas sahaja.

Dato' Yang di-Pertua, soal pelajaran ada-lah satu perkara yang besar yang mustahak dan wajib. Pelajaran ada-lah merupakan alat penyuloh hidup bagi sa-tiap individual. Pelajaran dapat membentok sa-saorang itu untok menjalani hidup-nya ka-arah kebaikan, kemajuan dan kesejahteraan. Ia juga alat yang paling mustahak bagi membentok ra'ayat yang berbilang² bangsa di-negara kita yang majmok ini, menuju ka-arah persatuan yang kukoh, harmoni dan muhibbah.

Dato' Yang di-Pertua, pelajaran juga merupakan satu penanam modal negara untok menempah kemajuan, keharmonian dan keagongan negara ini sendiri di-masa depan. Tetapi pelajaran itu sendiri tidak dapat berkembang baik, tidak dapat diterima dengan sempurna-nya jika alat yang paling mustahak untok itu ia-itu Buku² Teks tidak ada. Sunggoh dukachita, Dato' Yang di-Pertua, banyak di-antara anak² kita yang sedang menghadapi bangku persekolahan tidak mempunyaï buku² teks ini dengan sempurna-nya. Ini amat ketara sa-kali bagi pelajar² di-luar bandar.

Mereka mempunyaï pendapatan rata² antara $80.00 hingga $100.00 sa-bulan, bahkan terdapat sa-bahagian besar-nya pula yang berpendapatan kurang daripada itu. Oleh yang demikian, ramai di-antara anak² mereka, Dato' Yang di-Pertua, yang belajar dengan tidak mempunyaï buku² teks dengan sempurna-nya.

Dato' Yang di-Pertua, saya perchaya bahawa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan menjawab bahawa untok mengatasi perkara itu pehak-nya telah memberi buku² bantuan, buku² teks di-luar bandar melaluï Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan juga melaluï pemberian tahunan kapada Pejabat Pelajaran.

Dato' Yang di-Pertua, saya suka menyatakan pemberian ini jauh daripada menchukupi. Sa-lain daripada itu ada lagi sulit-nya ia-itu pembahagian yang di-jalankan oleh Pejabat Pelajaran Negeri² ada-lah tidak bagitu adil. Umpama-nya buku² yang di-keluarkan oleh Kementerian Pelajaran, saperti Buku Sains Darjah III di-beri-nya kapada sa-sabuah sekolah itu tidak menchukupi, tetapi bilangan buku² yang di-berikan kapada sekolah itu banyak sa-tengah-nya sampai 70 buah, mengandongi kira² 30 jenis buku. Jadi kalau murid Darjah III umpama-nya 100 orang atau pun 80 orang, tetapi buku yang sa-jenis itu di-beri dua biji, 15 buah, 20 buah atau pun 30 buah sudah tentu murid itu tidak dapat menggunakan teks itu dan ini bukan-lah kesalahan itu boleh di-letakkan kapada Kementerian Pelajaran, tetapi boleh di-letakkan kesilapan itu kapada Pejabat Pelajaran negeri masing².

Dato' Yang di-Pertua, kita mesti sedar bahawa harga buku² teks ada-lah mahal sa-kali. Buku² Teks itu terlalu mahal di-bandingkan dengan pendapatan ra'ayat negara ini yang pukul rata-nya miskin dan ini mungkin tidak mahal kapada beberapa kerat orang² kaya yang berpendapatan tinggi. Saya bersetuju dengan pendapat Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka bahawa buku² Dewan Bahasa tidak mahal kerana kertas²-nya baik. Ukoran yang di-beri itu ada-lah dari segi kualiti-nya ada-lah boleh jadi tidak mahal. Tetapi harga itu, kalau di-ukor dengan kemampuan ibu² bapa untok membeli-nya amat mahal sa-kali.

Jadi ini, Dato' Yang di-Pertua, ada-lah merupakan salah ukoran yang sa-benar-nya. Nampak-nya gejala² kita mahu taraf kertas buku teks itu menandingi negeri² yang maju, negeri² yang kaya, tetapi kita lupa alam keliling kita, ra'ayat yang miskin, ra'ayat yang rata² kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Kita juga lupa tujuan buku teks itu sendiri supaya dapat di-mileki oleh semua murid².

Dato' Yang di-Pertua, sa-olah² kita yang berada di-negara merdeka ini maseh membawa chorak² dan lagak penjajahan. Menerusi jarum yang amat halus kita memberi sadikit murid² memileki buku² teks, sadikit pula yang akan berjaya di-dalam pelajaran dan sadikit pula yang cherdek sa-bagai pemerentah negara. Dato' Yang di-Pertua, jika ini berlaku, kita sa-bagai orang² dewasa di-masa ini akan menerima kutokan jenerasi akan datang tidak habis². Sa-olah² kita ini dengan sengaja-nya menggalikan jurang yang sudah pun sedia churam dan dalam itu.

Nampak-nya Kementerian Pelajaran tidak berjaya mengatasi masaalah ini. Dewan Bahasa dan Pustaka sa-lama ini merupakan satu² ejensi Kerajaan untok melaksanakan tugas² yang tersebut, telah menyeleweng sadikit, Dato' Yang di-Pertua, menyeleweng dari tujuan asal dengan menerbitkan buku² teks yang mahal².

Saya mempunyaï kenyataan² yang chukup dan konkrit yang dapat membuktikan ka-engganan ibu² bapa meneruskan anak² mereka ka-sekolah² menengah ada-lah kerana ketidak-mampuan untok mengadakan buku² teks bagi anak² mereka.

Dato' Yang di-Pertua, sunggoh baik-nya Kerajaan mengambil tindakan yang positif dalam perkara ini. Kalau Kerajaan sanggup mengadakan projek pembenaan negara dalam berbagai² lapangan, amat-lah baik-nya kalau mengatasi masaalah, buku teks ini di-jadikan salah satu daripada projek² Kerajaan saperti yang lain² itu. Untok ini, saya suka menyatakan bahawa Kerajaan hendak-lah mengadakan sendiri buku² teks ini supaya buku² itu isi-nya tidak akan lari dari tujuan² baik negara kita untok membena satu negara yang kukoh, maju, aman, harmoni dan sejahtera. Banyak juga negara² lain berbuat demikian, satu daripada chontoh-nya, Dato' Yang di-Pertua, ia-lah Turki.

Kerajaan boleh menchari jalan mengadakan buku teks ini dengan harga yang murah dan isi-nya tetap baik dan sempurna. Kertas² tidak mustahak kertas yang amat baik, kertas² kelas satu umpama-nya, memadaï-lah kertas² yang kurang baik, dapat di-chetak banyak² dengan belanja yang murah dan dapat di-mileki oleh semua murid² termasok murid² yang datang dari ibu² bapa yang miskin.

Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan mempunyai chukup kemudahan untok mengadakan buku² teks perchuma ini, Dewan Bahasa dan Pustaka dapat memainkan peranan yang penting. Dewan Bahasa dengan jiwa baharu dapat di-isikan dengan orang² yang mempunyai kelayakan tertentu, untok bertugas khas dalam bidang buku² teks ini. Buku² teks bagi Sekolah² Rendah, Menengah bahkan hingga ka-Universiti.

Dato' Yang di-Pertua, terlanjor mengenai buku teks suka saya menyentoh sadikit mengenai ejaan. Saya merasa Kerajaan sa-olah² membisu sa-ribu bahasa dalam soal ini. Dalam soal menjadikan bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi yang sanggup menjadi bahasa pemerentahan, bahasa kesarjanaan sedang giat di-lakukan oleh pehak² yang mempunyai jiwa kebangsaan yang penoh dan berasa tanggong-jawab telah tergendala kelancharan-nya. Mereka sa-olah² terlekat pada ejaan². Ini semua ada-lah menunjokkan kegelisahan masharakat mengenai ejaan kita, Kerajaan nanti berkata, kita bergerak chergas dalam pembentokan ejaan bersama atau Malindo, tetapi sampai bila kita hendak menunggu lampu hijau dari saberang. Mereka sahabat² kita maseh utoh dengan ejaan mereka. Mereka dengan masaalah² mereka sendiri. Kalau betul² persetujuan telah dichapai, saya tidak nampak di-mana salah-nya kalau kita, ia-itu Kerajaan Malaysia menentukan sekarang ejaan yang rasmi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sudah sampai waktu Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Sa-tengah minit lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sa-tengah minit boleh, sa-tengah minit betul².

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Dato' Yang di-Pertua, daripada itu kita dapat mengatasi masaalah² ejaan ini yang berkait rapat dengan buku² teks, ejaan di-sekolah² dan juga ka-peringkat pelajaran² tinggi. Saya kira ejaan sekarang amat kachau dan kachau sa-kali. Ejaan pada Majallah Dewan Bahasa umpama-nya berlainan dengan ejaan² yang di-dapati daripada buku² teks keluaran Dewan Bahasa sendiri.

Dari itu, saya berseru agar Kerajaan dapat menentukan satu sistem ejaan yang tunggal untok mengatasi masaalah kelancharan perjalanan bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi negara dan bahasa kesarjanaan di-negeri ini. Terima kaseh.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perlu untok menjawab beberapa perkara yang di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Bachok dengan tujuan menerangkan berapa tindakan yang telah di-jalankan oleh Kementerian Pelajaran dalam soal buku² teks dan sistem ejaan.

Saya tidak-lah hendak menafikan akan hakikat bahawa buku² teks amat-lah penting kapada kemajuan pelajaran murid² sekolah. Dengan memegang kapada hakikat ini Kementerian saya sentiasa memberi perhatian yang berat kapada soal² buku² teks dari segala aspek yang berhubong dengan-nya. Penubohan Dewan Bahasa dan Pustaka, Biro Buku² Teks dan sa-buah Jawatan-kuasa Buku² Teks di-Kementerian saya dan juga pegawai² saya menghadhiri berbagai² seminar kebangsaan dan antarabangsa dalam soal² buku² teks ada-lah di-antara daripada bukti² yang menunjokkan kesungohan dalam usaha² Kementerian ka-arah memajukan dan memperbaiki lagi keadaan² yang berkaitan dengan buku² teks.

Mengulas berkenaan dengan kemudahan² buku² teks suka saya menyatakan di-sini bahawa tindakan yang tegas telah pun lama di-ambil. Tetapi tentang memberi perchuma buku² teks kapada murid² tentu-lah Yang Berhormat sendiri sedia ma'alom bahawa perkara ini akan memakan belanja yang banyak, bukan berpuloh² ribu malahan berjuta² ringgit pada tiap² tahun. Perbelanjaan ini akan meningkat dengan bertambah-nya bilangan murid² yang masok ka-sekolah². Yang demikian tentu-lah tidak terdaya oleh Kerajaan hendak memberi perchuma buku² teks kapada semua murid² di-Sekolah² Rendah dan Menengah. Bagaimana pun, Tuan Yang di-Pertua, dari sejak tahun 1959 Kementerian Pelajaran ada memberi buku² teks perchuma dengan chara pinjaman kapada murid² di-sekolah rendah di-kawasan² luar bandar. Ranchangan pinjaman saperti ini memakan belanja sa-banyak $850,000 hitong panjang pada tiap² tahun antara tahun 1959 dengan 1967. Dari tahun 1968 hingga 1971 hitong panjang perbelanjaan ini meningkat kapada $1.2 juta tiap² tahun. Perbelanjaan ini tidak-lah termasok perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Kementerian² Kebajikan Am dan Pembangunan Negara dan Luar Bandar dalam ranchangan yang sama.

Tentang tegoran Ahli Yang Berhormat ia-itu Kerajaan patut menchetak atau menggunakan "material²" yang murah bagi penerbitan buku² teks, suka saya, Tuan Yang di-Pertua, menyatakan bahawa perkara ini sedang di-kaji oleh sa-buah Jawatan-kuasa yang di-bentok oleh Kementerian saya yang akan mengemukakan shor² dan masaalah² kemungkinan penerbitan buku² teks yang rendah harga-nya dengan mengambil beberapa perhatian saperti menggunakan "material²" yang murah. Tetapi dalam tinjauan sachara kasar, ada-lah di-dapati bahawa penggunaan² "material" yang murah saperti kertas yang kurang baik mutu-nya, tidak-lah bagitu banyak mempengarohi harga buku² teks.

Saya tidak dapat bersetuju, Tuan Yang di-Pertua, dengan pendapat bahawa usaha Kementerian Pelajaran menerusi Dewan Bahasa dan Pustaka dalam penerbitan buku² teks telah mengechewakan. Sa-benar-nya Dewan Bahasa dan Pustaka sa-bagai sa-buah badan berkanun di-bawah Kementerian Pelajaran telah berusaha mengambil langkah² untok menchapai tujuan² yang di-kehendaki oleh undang² Dewan Bahasa dan Pustaka tahun 1959. Saya tidak-lah berchadang menyebutkan kejayaan²-nya dalam lapangan² lain hanya sa-kadar hendak menyebutkan bahawa sejak tertuboh-nya Dewan Bahasa pada tahun 1959, lebeh daripada 700 buah tajok buku² dalam Bahasa Malaysia telah diterbitkan untok semua perengkat penggunaan, dari perengkat Sekolah Rendah hingga ka-pelajaran tinggi. Bagitu juga mutu isi dan bahasa buku² itu ada-lah tinggi dan mendapat pujian daripada pakar² luar negeri dalam lapangan ini. Dewan Bahasa dan Pustaka juga menjalankan kerja² pasaran dan peredaran buku² dengan tujuan memberi kemudahan² kapada ibu-bapa². Perlu juga saya menyebutkan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka pada masa ini sedang mengkaji dengan giat-nya kemungkinan mengadakan penchetakan-nya sendiri. Ada-lah di-harapkan aktiviti baharu ini akan dapat mempengarohi harga buku² penerbitan termasok buku² teks.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tentang ada-nya penggunaan berbagai² sistem ejaan rasmi Bahasa Malaysia oleh berbagai² gulongan masharakat saperti sekolah², penerbit² buku dan akhbar². Tetapi perkara ini tidak-lah menimbulkan kegelisahan atau langsong menyekat perkembangan penerbitan buku² teks. Pada sa-bilangan besar, ejaan sekolah yang di-gunakan sejak perang dunia dahulu maseh merupakan ejaan rasmi. Walau bagaimana pun, saya sedar tentang perlu-nya di-adakan satu sistem ejaan yang "standard" demi kepentingan dan kemajuan bahasa dan persuratan kita di-Malaysia. Tindakan ka-arah ini telah lama di-ambil oleh Kerajaan. Perlu di-ingat bahawa dalam usaha mengadakan sistem ejaan baharu Bahasa Malaysia yang rasmi Kerajaan perlu memandang dalam context jangka panjang dan menimbangkan akibat²-nya atau implikasi yang sahabis² jauh. Penyatuan atau pun sa-kurang²-nya perdekatan Bahasa Malaysia dengan Bahasa Indonesia sa-kurang²-nya dalam lapangan ejaan patut di-jadikan matlamat kita. Langkah ka-arah ini, Tuan Yang di-Pertua, telah di-jalankan, ia-itu dengan ada-nya rundingan Jawatan-kuasa Ejaan Bersama dari kedua² buah negara, Indonesia dan Malaysia, yang mula di-adakan pada tahun 1967. Hasil rundingan dan shor² itu sedang di-kaji oleh Kerajaan. Saya perchaya tidak lama lagi Kerajaan akan dapat mengumumkan satu sistem ejaan yang rasmi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Majlis Meshuarat ini di-tanggohkan hingga pukul 2.30 petang esok hari Khamis, 18hb Mach, 1971.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.50 petang.